

BAB EMPAT

PEMBUKTIAN DOKUMEN HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH

4.1. Pengenalan

Setiap dakwaan berkaitan hibah yang dikemukakan sama ada berdasarkan lisan mahupun dokumen hendaklah terlebih dahulu disahkan sebelum diterima untuk dijadikan bukti. Pemakaian dokumen hibah dikatakan dapat mengelakkan pertikaian selepas berlaku kematian kepada pemberi hibah dan memudahkan pengurusan di mahkamah syariah. Hibah tersebut hendaklah dibuktikan telah memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan syarak sebelum sesuatu hibah tersebut boleh disahkan oleh mahkamah syariah. Hakim Bicara hendaklah memastikan kebolehterimaan dokumen persendirian tersebut memenuhi ketetapan yang ditetapkan oleh undang-undang keterangan sedia ada. Pengkaji akan membahaskan perkara tersebut dalam bab ini secara terperinci.

4.2. Pembuktian

Pembuktian dalam bahasa Arab dikenali sebagai *ithbāt* yang bermaksud tetap dan berterusan.⁶⁵⁸ Ia berasal daripada kata nama “bukti” yang bermaksud perihal membuktikan melalui perbuatan, usaha dan sebagainya.⁶⁵⁹ Manakala pembuktian menurut istilah adalah mengemukakan bukti kepada mahkamah melalui cara yang ditetapkan oleh syarak ke atas suatu hak atau kes yang berlaku ke atasnya kesan hukum syarak⁶⁶⁰ atau satu pernyataan yang dibuat untuk membuktikan kebenaran secara zahir dan nyata.⁶⁶¹ Pembuktian ialah cara untuk menjelaskan perkara yang sabit dan menyatakan hakikat yang sebenar oleh

⁶⁵⁸ Jubran Mas'ud. 1990. *Al-Rāid Mu'jam Lughāwi 'Asrī*. Beirūt, Lubnān: Dār al-'Ilm lī al-Malāyīn. Vol. 1. p. 481.

⁶⁵⁹ n.a. 2000. *Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: DBP. p 183.

⁶⁶⁰ Imad Muhammad Rabi'. 1999. *Hujjiyat al-Syahādat fī al-Ithbāt al-Jaza'iy*. Ammān Jordān: Maktabaṭ al-Thaqafat. p. 13.

⁶⁶¹ Mohamad Salam Madkhur. 1978. *Al-Qadā' fī al-Islām*. Miṣr: Dār al-Nahḍat al-'Arābiyat. p. 87.

pihak yang mendakwa⁶⁶² dan bagi membuktikan sabitnya perkara yang didakwa ke atas orang yang didakwa.⁶⁶³ Apabila bukti yang dikemukakan itu kukuh maka kes yang hendak disabitkan itu hampir kepada kejadian yang sebenar dan hukuman juga akan dibuat dengan lebih tepat.⁶⁶⁴

Pembuktian menurut undang-undang pula adalah mengemukakan dalil di hadapan hakim melalui saluran yang telah ditetapkan oleh undang-undang bagi membuktikan wujudnya kes yang dipertikaikan atau dibicarakan⁶⁶⁵ dan akan wujud kesannya.⁶⁶⁶ Pembuktian dalam konteks prosiding mahkamah ialah proses mengemukakan bukti terhadap satu-satu dakwaan hak atau kepentingan yang dibuat dalam majlis kehakiman dengan menggunakan cara atau saluran yang diharuskan syarak, yang akan memberi kesan dari segi perundangan ke atas dakwaan tersebut.⁶⁶⁷

Perkataan pembuktian tidak diberikan sebarang tafsiran dalam undang-undang keterangan yang terpakai di seluruh mahkamah syariah. Namun Seksyen 3(2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ada memperuntukkan peruntukan yang menjelaskan tentang telah dibuktikan atau tidak terbukti seperti yang berikut:

- (a) suatu fakta dikatakan “terbukti sebaliknya” apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada mempercayai bahawa fakta itu tidak wujud atau berpendapat ketakwujudan fakta itu adalah sebegitu mungkin sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu tidak wujud;
- (b) sesuatu fakta dikatakan “tidak terbukti” apabila fakta itu tidak “terbukti” atau tidak “terbukti sebaliknya” mengikut Akta ini;

⁶⁶² Mohd Salleh Ahmad. 2005. *Risālat Ahkām*. Selangor: Intel Multi Media and Publication. p. 50.

⁶⁶³ Ahmad Ibrahim Bik. 1985. *Ṭurūq al-Ithbāt al-Syar'iyyat*. n.pl: n.pb. p. 25.

⁶⁶⁴ Mohd Salleh Ahmad. 2005. *Risālat Ahkām*. Selangor: Intel Multi Media and Publication. p. 50.

⁶⁶⁵ Ahmad Ibrahim Bik. 1985. *Ṭurūq al-Ithbāt al-Syar'iyyat*. n.pl: n.pb. p. 25.

⁶⁶⁶ Al-Sanhuri, Abd al-Razzaq Ahmad. n.d. *Al-Wasīt fī Syarḥ al-Qānūn al-Madānī al-Jadīd*. Beirūt. Lubnān: Dār al-Ihya' al-Turāth al-'Arābī. Vol. 2. p. 16.

⁶⁶⁷ Md. Amin Abdul Rahman. 2005. *Pembuktian dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). UiTM. p. 2.

- (c) sesuatu fakta dikatakan “terbukti” apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada mempercayai bahawa fakta itu wujud atau berpendapat bahawa kewujudan fakta itu adalah sebegitu mungkin sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu wujud.⁶⁶⁸

Berdasarkan tafsiran tersebut, kita boleh memahami bahawa tujuan pembuktian adalah untuk membolehkan mahkamah percaya atau berpegang kepada pendapat berkaitan dengan tindakan seseorang. Kepercayaan mahkamah ini sama ada ke atas keseluruhan kes atau ke atas fakta-fakta tertentu yang didakwa wujud atau tidak wujud oleh pihak-pihak dalam perbicaraan.⁶⁶⁹ Dengan kata lain, pembuktian itu merupakan suatu proses yang berjalan bagi membuktikan kewujudan atau tidak wujud sesuatu fakta menggunakan keterangan yang diiktiraf syarak.

4.3. Beban Bukti

Beban bukti adalah *mentaklifkan* salah seorang yang berbalah mengemukakan hujah dan dalil terhadap dakwaannya.⁶⁷⁰ Beban pembuktian merupakan satu hujah atau alasan yang kuat dan kukuh bagi membuktikan sesuatu perkara yang menjadi titik perselisihan. Beban bukti merupakan tanggungjawab yang terletak pada pihak yang berkaitan dengan sesuatu fakta yang menjadi isu yang mesti ditunaikan jika pihak tersebut ingin memenangi isu yang dipertikaikan.⁶⁷¹ Beban pembuktian dikatakan sebagai beban membuktikan kes dan beban mengemukakan keterangan yang bersesuaian, dengan perkataan beban bermaksud

⁶⁶⁸ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3(2).

⁶⁶⁹ Ruzman Md. Noor. 2007. “Pembuktian dalam Kes Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia”. *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Vol. 15. No. 1. pp. 31-32.

⁶⁷⁰ Al-Zuhayli, Muhammad. 1982. *Wasāil Ithbāt*. Beirūt: Maktabat Dār al-Bayān. Vol. 2. p. 646.

⁶⁷¹ Siti Zalikah Haji Md Nor. 2006. “Beberapa Aspek dalam Undang-undang Keterangan Islam.” Dlm. *Al-Syariah: Undang-undang Keterangan Islam*. Siti Zalikah Haji Md Nor et al. (ed.). Kuala Lumpur: DBP. Vol. 3. p. 4.

tanggungjawab, kewajipan atau tugas dari sudut undang-undang.⁶⁷² Beban pembuktian ialah frasa yang digunakan untuk menerangkan tugas yang terletak ke atas satu-satu pihak untuk mewujudkan satu kes atau satu fakta.”⁶⁷³

Rupert Cross menyatakan bahawa beban pembuktian merupakan satu tugas untuk mengeluarkan keterangan pada permulaan kes melalui perbicaraan dan kemudian ditutup dengan hujah bagi membuktikan kebenaran, dan beban ini merupakan suatu beban yang penting dalam undang-undang keterangan. Beban bukti merujuk kepada satu kaedah umum yang memerlukan seseorang membuktikan kes atau sebarang fakta yang ditegaskan dalam prosiding jenayah atau mal. Orang tersebut dikatakan menanggung beban bukti apabila seseorang itu terikat untuk membuktikan kewujudan atau tidak wujudnya satu-satu fakta (tertentu) atau membuktikan keseluruhan.⁶⁷⁴

Contoh bagi pernyataan ini adalah sebagaimana yang terdapat dalam kes antara *Kamaruzzaman Umar lwn Rashidah Mohd Rashid*,⁶⁷⁵ dengan Panel Rayuan telah mengulas dan memutuskan maksud sebenar dan beban pembuktian Seksyen 84 (c) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang telah diputuskan oleh Hakim Bicara sebagaimana berikut:

[24] Kami dapati YA Hakim Bicara telah memberikan ulasan isu ini dalam penghakimannya iaitu di muka surat 313 rekod rayuan. Kami juga bersetuju dengan prinsip beban pembuktian ke atas fakta ini yang ditegaskan oleh YA Hakim Bicara sebagaimana dinyatakan:

“Melalui peruntukan dan keterangan yang telah dihujahkan oleh peguam Defendan, 2 perkara menjadi subjek utama, yang perlu Mahkamah pertimbangkan terlebih dahulu iaitu, adakah Plaintiff secara sengaja menukar pemastautinannya dengan tujuan menghalang Defendan mengawasi anak, dan

⁶⁷² Zulfakar Ramlee Saad. 2015. “Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian”. *Jurnal Kanun*, Kuala Lumpur: DBP. Jan. p. 123.

⁶⁷³ Abdul Halim Bin Zulkifli. 2019. “Beban Pembuktian dalam Kes Mal menurut Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia”. 1 LNS (A) xxxi. p. 1-2.

⁶⁷⁴ Rupert, Cross. 1990. *Cross on Evidence*. London: Butterworths. 7th Edition. p. 123.

⁶⁷⁵ *Kamaruzzaman Umar lwn Rashidah Mohd Rashid* [2014] 2 JH 38 at 39-62.

adakah wujudnya halangan atau keengganan dari pihak Plaintiff kepada Defendan apabila pihak Defendan berhasrat untuk mengambil anak? Bagi menjawab persoalan ini, Mahkamah berpendapat, beban pembuktian hendaklah diletakkan ke atas pihak Defendan kerana asas dakwaan telah timbul dari pihak Defendan dan dakwaan hendaklah selaras dengan fakta yang dikemukakan.”

Pemakaian beban pembuktian ada di peruntukan di dalam Seksyen 72, Seksyen 73 dan Seksyen 74 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Sebenarnya, beban bukti yang dinyatakan dalam seksyen-seksyen tersebut adalah merujuk kepada dua bentuk beban bukti yang boleh dijelaskan seperti yang berikut:

4.3.1. Beban perundangan atau pembuktian kes keseluruhannya (*legal burden*).

Beban ini secara prinsipnya ditanggung oleh pihak pendakwa syarie dalam kes jenayah, dan ditanggung oleh plaintiff dalam kes mal. Mana-mana individu atau pihak-pihak yang berhasrat atau berkehendak agar mahkamah memberikan penghakiman tentang sebarang hak atau tanggungan di sisi undang-undang berdasarkan satu-satu fakta tertentu mestilah membuktikan fakta yang ditegaskan itu wujud. Beban membuktikan kewujudan apa-apa fakta hendaklah terletak pada orang itu apabila orang itu menegaskan fakta itu wujud.⁶⁷⁶ Beban ini merupakan tanggungjawab yang dikenakan kepada satu pihak untuk membuktikan kewujudan sesuatu fakta. Ia juga dikenali sebagai *burden of persuasion* iaitu tanggungjawab satu pihak untuk meyakinkan mahkamah akan kewujudan sesuatu fakta.⁶⁷⁷

Beban ini merupakan satu beban untuk melahirkan kes dalam keadaan beban ini tidak berpindah atau berubah kepada pihak yang lain. Undang-undang itu sendiri yang menentukan fakta yang menjadi persoalan itu telah dibuktikan atau dibuktikan sebaliknya

⁶⁷⁶ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 73.

⁶⁷⁷ Abdul Rahman Mustafa. 1988. *Prinsip Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah & Kebajikan Islam Malaysia. p. 109.

dalam keadaan tersebut. Beban jenis ini sebenarnya agak sukar atau sedikit berat berbanding dengan beban mengemukakan keterangan.⁶⁷⁸ Walau bagaimanapun, dengan istilah yang digunakan seperti “beban membuktikan kes”; “beban membuktikan fakta”; dan “beban mengemukakan keterangan” pada ketiga-tiga seksyen, iaitu Seksyen 72, 73 dan 74, hal ini sebenarnya boleh menimbulkan kekeliruan mengenai tanggungjawab pihak yang perlu memikul beban pembuktian.⁶⁷⁹

4.3.2. Beban mengemukakan keterangan (*evidentiary burden*).

Beban mengemukakan keterangan bermaksud tanggungjawab mengemukakan keterangan untuk menafikan dan menimbulkan keraguan terhadap setiap fakta persoalan bagi kes mal dan memberikan keterangan yang boleh meragukan kes pendakwaan dalam kes jenayah. Beban ini merujuk kepada beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal jika tiada keterangan diberikan oleh mana-mana pihak.⁶⁸⁰ Beban ini tidak berada secara tetap kepada mana-mana pihak.⁶⁸¹ Beban ini merupakan beban untuk membuktikan dengan mengemukakan keterangan bagi menyokong sesuatu fakta yang ditegaskan. Beban pembuktian ini berbeza dengan pembuktian undang-undang yang mana beban pembuktian keterangan adalah tidak tetap dengan ia boleh berubah dari satu pihak kepada satu pihak yang lain.

⁶⁷⁸ *ibid.* p. 109.

⁶⁷⁹ Zulfakar Ramlee. 2015. “Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian”. *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa & Pustaka. Jan. p. 122.

⁶⁸⁰ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 74.

⁶⁸¹ Ruzman Md. Noor & Istajib Mokhtar. 2011. “Ulasan Kes dari aspek Pembuktian: Rosmah Binti Suly & Seorang Yang Lain lwn Ismail Bin Mohamad & Seorang Yang Lain”. *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa & Pustaka. Vol. 26. No. 2. Jun. p. 131.

Penjelasannya boleh dilihat dalam kes *Rajamah Mohamad lwn Abdul Wahab Long*,⁶⁸² iaitu isu atau persoalan yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Selangor sama ada permohonan Responden untuk berpoligami boleh diluluskan, ataupun sebaliknya. Mahkamah memutuskan bahawa beban bukti terletak kepada Responden untuk menunjukkan bahawa dia mampu menyara atau memelihara lebih daripada seorang isteri. Berdasarkan keterangan yang ada, mahkamah mendapati Responden tidak berkemampuan untuk menanggung dua orang isteri pada satu masa disebabkan pendapatan yang dimiliki hanya cukup untuk menampung keperluan asas seperti makan minum dan perbelanjaan harian sahaja. Mahkamah Rayuan telah mengetepikan keputusan mahkamah bicara tersebut dan rayuan Perayu diluluskan.

4.4. Perpindahan Beban Bukti

Perpindahan beban pembuktian merupakan pertukaran tanggungjawab untuk mengemukakan pembuktian daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain. Perpindahan beban pembuktian ini memberi kesan kepada darjah pembuktian dan tanggungjawab kedua-dua pihak untuk membuktikan kes masing-masing.⁶⁸³ Perpindahan beban pembuktian boleh berlaku kepada beban pembuktian undang-undang dan beban pembuktian keterangan.⁶⁸⁴ Perpindahan beban pembuktian undang-undang terjadi ketika mana terdapat pembelaan dikemukakan oleh pihak tertuduh yang termasuk di bawah pengecualian am beban pembuktian undang-undang.

⁶⁸² *Rajamah Mohamad lwn Abdul Wahab Long* [1991] 8 JH 171.

⁶⁸³ Ruzman Md. Noor & Istajib Mokhtar. 2011. "Ulasan Kes dari aspek Pembuktian: Rosmah Binti Suly & Seorang Yang Lain lwn Ismail Bin Mohamad & Seorang Yang Lain". *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur:DBP. Vol. 26. No. 2. p. 131.

⁶⁸⁴ SC Sarkar. 2016. *Sarkar Law of Evidence*. Selangor: Lexis Nexis. p. 2370.

Contohnya, perpindahan beban yang berlaku boleh dilihat melalui kes-kes yang melibatkan pembayaran seperti tunggakan nafkah anak. Defendan perlu mengemukakan pembuktian apabila mendakwa bahawa dia telah membuat bayaran terhadap nafkah anak tersebut. Perpindahan beban pembuktian juga berlaku bagi pihak Defendan atau Responden bagi menafikan tuntutan dan permohonan yang dikemukakan. Dalam situasi ini, perpindahan beban pembuktian keterangan akan berlaku.⁶⁸⁵ Tanggungjawab mengemukakan beban bukti ini boleh bertukar kepada yang didakwa apabila perbicaraan berjalan. Keadaan ini berlaku apabila orang yang mendakwa telah berjaya mengemukakan beban bukti ke tahap yang tertentu dan beban bukti telah berpindah kepada orang yang didakwa untuk menjawab. Jika tidak dijawab oleh orang yang didakwa, keputusan boleh dijatuhkan terhadap. Namun jika jawapan orang yang didakwa ini mencapai tahap pembuktian yang lebih tinggi, beban pembuktian akan berpindah semula kepada orang yang mendakwa.⁶⁸⁶

Contoh kepada perpindahan tanggungjawab ini boleh dilihat dalam kes *Khanisah Mohammad Ridzuan lwn Suhaimi Jaafar*,⁶⁸⁷ dengan Hakim Bicara telah menolak tuntutan taklik Plaintif disebabkan gagal membuktikan yang Defendan telah gagal memperuntukkan nafkah kepadanya selama empat (4) bulan sebagaimana yang disyaratkan taklik tersebut. Dalam penghakimannya, Hakim Bicara menyatakan bahawa:

Pada pandangan Mahkamah memang adalah menjadi satu beban kepada suami untuk membuktikan suami memberi nafkah apabila ada dakwaan daripada isteri, suami tidak memberi nafkah. Dalam hal ini Plaintif berjaya membuktikan bahawa Defendan ada memberi nafkah kepada Plaintif melalui dengan memasukkan ke dalam akaun Plaintif pada 12.07.2002 dan bulan 8/2002

⁶⁸⁵ Suhaizad Saifuddin. 2021. "Peruntukan Beban Pembuktian di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Penilaian". *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol. 28. Ogos. p. 80.

⁶⁸⁶ Ashraf bin Md. Hashim. 2001. "Tahap Pembuktian di dalam Kes-kes Jenayah: Kajian Perbandingan antara Undang-undang Islam dan Sivil". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Vol. 9. No. 2. p. 18.

⁶⁸⁷ *Khanisah Mohammad Ridzuan lwn. Suhaimi Jaafar* [2007] 3 ShLR 98.

dengan pengakuan Plaintiff sendiri. Oleh itu, jika Plaintiff mengatakan bahawa duit itu bukan untuknya dan untuk anaknya atau Plaintiff tidak gunakan untuk nafkahnya. Plaintiff perlu membuktikan ke mana wang itu dibelanjakan seperti mana Defendan perlu membuktikan bahawa Defendan telah memberi nafkah.

4.5. Pengecualian Beban Bukti

Prinsip am dalam undang-undang keterangan telah menetapkan beban pembuktian undang-undang adalah terletak kepada pihak yang mendakwa. Namun, prinsip am ini tidak terpakai dan beban pembuktian tersebut diletakkan kepada pihak yang didakwa dalam keadaan tertentu.⁶⁸⁸ Perpindahan beban keterangan pihak yang didakwa adalah untuk menimbulkan kesangsian terhadap fakta persoalan yang telah dibuktikan namun pemakaian prinsip ini ialah, pihak yang didakwa adalah dikehendaki untuk membuktikan suatu fakta lain yang ditegaskan yang tidak termasuk dalam fakta persoalan yang telah dibuktikan.⁶⁸⁹ Contoh situasi ini boleh dilihat dalam kes antara *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman*,⁶⁹⁰ dengan Panel Rayuan memutuskan isu berhubung beban bukti untuk membuktikan dakwaan seseorang mengenai kewarasan akal seseorang semasa melaksanakan hibah. Antara lain pihak mahkamah menyebut bahawa:

[15] Selain daripada mempertikaikan kebolehterimaan P-4 dari sudut saksi Ramlee b. Ismail tidak dipanggil, Perayu juga menimbulkan isu bagaimana keadaan Allahyarham Rani semasa membuat hibah sama ada sakit tenat atau *maradul maut* dan sebagainya. Kami berpendapat persoalan tentang hal keadaan Allahyarham semasa menandatangani P-4 termasuk jika diujulkan Surat Perjanjian tersebut dibuat dengan secara salah atau dengan cara perdayaan, adalah suatu fakta yang mana mengikut Seksyen 75 terletak ke atas pihak Perayu untuk membuktikannya kerana Perayu berkehendakkan Mahkamah mempercayai fakta itu wujud.

[16] Apabila kami meneliti Rekod Rayuan, isu tentang hal keadaan Allahyarham Rani semasa menandatangani P-4 tidak pernah dibangkitkan

⁶⁸⁸ Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 187.

⁶⁸⁹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 75.

⁶⁹⁰ *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman* [2014] 1 JH 39 32.

semasa perbicaraan di Mahkamah Bicara. Ia hanya dibangkitkan di peringkat rayuan ini. Oleh itu alasan rayuan Perayu yang ke-2 dan ke-4 adalah tidak kukuh untuk mengetepikan penerimaan dokumen P-3 dan P-4 sebagai bukti akad hibah oleh Mahkamah Bicara.

Contoh lain adalah apabila timbul persoalan sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa orang itu masih hidup dalam masa tiga puluh tahun, maka beban membuktikan yang dia telah mati terletak pada orang yang menegaskan.⁶⁹¹ Begitu juga apabila timbul dakwaan sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskan.⁶⁹²

Perbezaan pemakaian prinsip ini dengan perpindahan bagi beban pembuktian keterangan adalah pada ketika pihak yang didakwa perlu membuktikan suatu fakta lain yang ditegaskan yang tidak termasuk dalam fakta persoalan yang telah dibuktikan. Manakala perpindahan beban keterangan pihak yang didakwa adalah untuk menimbulkan kesangsian terhadap fakta persoalan yang telah dibuktikan. Dalam keadaan ini juga, pihak yang didakwa tidak menanggung beban yang berat seperti pihak yang mendakwa dan pihak yang mendakwa masih bertanggungjawab untuk membuktikan fakta yang ditegaskan.⁶⁹³

⁶⁹¹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 79.

⁶⁹² *ibid.* Seksyen 80.

⁶⁹³ Suhaizad Saifuddin. 2021. "Peruntukan Beban Pembuktian di Bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Penilaian". *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol. 28. Ogos. pp. 80-81.

4.5.1. Beban Bukti kewujudan Hibah

Pengkaji berpendapat kita hendaklah mengetahui prinsip beban bukti di dalam kes mal untuk mengetahui pihak yang memegang beban bukti berkaitan kewujudan suatu hibah kerana tuntutan hibah ini termasuk dalam kes mal. Undang-undang telah menetapkan bahawa beban keterangan dalam sesuatu kes mal hendaklah terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'ī*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-mudda'a 'alaih*).⁶⁹⁴

Prinsip ini diperkukuhkan dalam kes *Ismahazly Baharin lwn Aziz Harun* [2018] 3 LNS 2. Hakim Bicara menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Plaintiff untuk membuktikan kesnya terhadap Defendan, seperti kehendak Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (EKMSNS 2003) memperuntukkan bahawa:

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-Mudda'ī*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a 'alaih*). Ini juga berdasarkan kepada maksim undang-undang yang berbunyi: “*Ei Incumbit Probatio Qui Dicit, Non Qui Negat*” bermaksud, “Sesiapa yang menegaskan mestilah membuktikan.”

Hal yang demikian memberi makna bahawa beban pembuktian sesuatu fakta tidak bergantung semata-mata pada pihak-pihak yang dinamakan dalam kes ini sebagai Plaintiff dan Defendan semata-mata kerana penentuan beban pembuktian tersebut boleh ditentukan dengan memahami takrif *mudda'ī* dan *mudda'a 'alaih*. *Mudda'ī* ialah orang yang katanya menyalahi zahir sesuatu perkara, manakala orang yang didakwa (*mudda'a 'alaih*)

⁶⁹⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 72.

ialah orang yang kata-katanya menepati zahir sesuatu perkara.⁶⁹⁵ Dalam konteks pembuktian berkaitan dengan kewujudan hibah, mana-mana orang yang mendakwa wujudnya hibah tersebut maka orang tersebut hendaklah memegang beban untuk membuktikan dakwaannya itu. Prinsip ini dijelaskan dalam keputusan kes *Rosmah Suly & 1 Lg lwn Ismail Mohamad & 1 Lg*,⁶⁹⁶ dengan Hakim Bicara semasa memutuskan isu beban pembuktian menyatakan bahawa:

Oleh sebab pihak Plaintiff (Perayu) mendakwa sesuatu yang muafik (selari) dengan sesuatu yang asal iaitu tidak wujudnya, manakala Defendan (Responden 2) yang menyatakan wujudnya Hibah, maka beban untuk membuktikan wujudnya Hibah seperti yang didakwa adalah ditanggung oleh pihak yang mendakwa iaitu pihak Defendan (Responden 2)

Kedudukan Responden dalam kes ini adalah Defendan namun Responden 2 ialah pihak yang memegang beban untuk membuktikan kewujudan hibah kerana Perayu mendakwa sesuatu yang pada asalnya iaitu hibah itu adalah tidak wujud, manakala Responden 2 menyatakan bahawa hibah tersebut wujud. Dapatan Hakim Bicara ini diperkukuhkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes ini. Contoh lain, dalam kes antara *Kamaruzzaman Umar lwn Rashidah Mohd Rashid*,⁶⁹⁷ Panel Rayuan telah menerangkan perbezaan maksud *mudda`i* dan *mudda`a `alaih* dalam Seksyen 72 tersebut seperti yang berikut:

[26] Apabila keadaan zahir fakta berpindahnya Responden ke Seremban Jaya dan tingkah laku Perayu serta Responden selepas perpindahan tersebut tidak menunjukkan wujudnya tujuan menghalang Perayu menjalankan pengawasan ke atas anak, maka jika Perayu mendakwa Responden berpindah dengan tujuan menghalang Perayu menjalankan pengawasan ke atas anak, Perayu adalah orang yang membuat dakwaan ataupun *mudda`i*. Responden pula ialah orang yang kena dakwa atau *mudda`a `alaih*. Syarak mentakrifkan

⁶⁹⁵ Al-Khatib, Shamsudin Muhammad bin Muhammad as-Syarbini. 1994. *Mughnī al-Muhtāj*. Beirut. Lubnān: Dār al-Kutūb. Vol. 6. p. 421.

⁶⁹⁶ *Rosmah Suly & 1 Lg lwn Ismail Mohamad & 1 Lg* [2011] 2 JH 32 223.

⁶⁹⁷ *Kamaruzzaman Umar lwn Rashidah Mohd Rashid* [2014] 2 JH 38 62.

mudda 'i ialah (orang yang mendakwa sebalik yang zahir). Maka beban ke atas Perayu membuktikan dakwaannya itu.

[27] Kami dapati Perayu gagal mengemukakan rekod dan hujah bahawa Perayu telah membuktikan dakwaannya ke atas Responden tersebut sepanjang perbicaraan di hadapan YA Hakim Bicara. Dengan ini, kami berpuas hati dan menerima hujah Responden dan menolak hujah Perayu.

Berdasarkan kes berkenaan, boleh dirumuskan bahawa beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes hibah hendaklah dipegang oleh orang yang mendakwa tentang kewujudan hibah tersebut. Perkara ini bersesuaian dengan kaedah fiqh iaitu “asal sesuatu yang mendatang itu tiada.” Oleh itu, *al-‘adam* (tiada) sesuatu itulah yang perlu diyakini dan dipegang kerana ia suatu keadaan yang tabii dan asal kepada sesuatu benda dan perkara. Manakala perubahan kepada wujud itu sesuatu perkara yang baharu adalah perlu diragukan, kerana *al-‘adam* (tiada) itu merupakan asal kepada sesuatu, maka mesti dikekalkan sehingga terbukti sabit wujud sesuatu yang menghilangkan.⁶⁹⁸

4.5.2. Beban Bukti Kewujudan Dokumen Hibah

Dalam konteks beban bukti kewujudan suatu dokumen hibah pula, orang yang mendakwa kewujudan dokumen hibah tersebut hendaklah memegang beban pembuktian berkaitan dengan dakwaannya itu. Prinsip ini telah diperkukuhkan dalam kes *Ramlah Sulaiman & 4 Yg Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Sulaiman & 1 Lagi*.⁶⁹⁹ Hakim Mahkamah Rayuan Syariah menolak rayuan Perayu dan semasa memutuskan hal berkaitan dengan beban pembuktian terhadap kewujudan transaksi hibah, beliau menyatakan seperti yang berikut:

[28] Di dalam kes di hadapan kami ini, Perayu-Perayu merupakan orang yang mendakwa tentang fakta wujudnya dokumen Surat Cara Hibah iaitu suatu fakta yang asalnya tidak wujud berdasarkan *maksim fiqh* yang dinyatakan dalam penghakiman kes Rosmah bt. Suly. Oleh itu, beban untuk membuktikan bahawa dokumen surat cara-surat cara hibah tersebut wujud atau tidak adalah

⁶⁹⁸ Mohd Salleh Ahmad. 1997. *Sistem Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. Vol 2. p. 111.

⁶⁹⁹ *Ramlah Sulaiman & 4 Yg Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Sulaiman & 1 Lagi* [2016] 1 JH 42 88.

terletak di bahu Perayu-Perayu dan bukannya Responden-Responden. Atau dengan kata lain, Perayu-Perayulah yang bertanggungjawab untuk mengemukakan dokumen asal surat cara-surat cara hibah semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah.

[29] Kami berpuas hati bahawa Perayu-Perayu telah gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut dan oleh yang demikian Hakim Bicara telah bertindak betul apabila memutuskan bahawa tidak berlaku sebarang transaksi hibah mengikut hukum syarak sebagaimana yang didakwa oleh Perayu-Perayu. Kami dengan ini memperkukuhkan keputusan Hakim Bicara tersebut.

Di sini boleh dirumuskan bahawa sekiranya seseorang mendakwa tentang kewujudan sesuatu dokumen hibah untuk membuktikan dakwaannya tentang kewujudan hibah tersebut maka beban untuk membuktikan bahawa dokumen Surat Cara Hibah tersebut wujud adalah terletak kepada orang itu. Dari sudut pembuktian, dakwaan hibah boleh dibuktikan melalui keterangan lisan saksi mahupun keterangan dokumen. Pengkaji tidak menafikan bahawa saksi yang menjadi kaedah pembuktian utama sebelum ini namun kini telah beralih kepada pembuktian melalui keterangan dokumen. Perubahan ini berlaku disebabkan keterangan telah diragui kekuatannya disebabkan kerosakan nilai agama dan akhlak di kalangan masyarakat. Selain itu, saksi boleh mengubah kenyataan disebabkan sogokan, lupa dan tidak kurang juga disebabkan kematian para saksi tersebut. Hal ini berbeza jika pembuktian melalui dokumen kerana dokumen tersebut akan kekal dalam keadaan asalnya sekalipun berlaku perubahan masa dan ia dapat mengelakkan saksi-saksi mengubah kesaksiannya dengan sewenang-wenangnya atau disebabkan berlaku kematian.⁷⁰⁰

⁷⁰⁰ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani, Lukman Abdul Mutalib, Lukmanul Hakim Hanafi & Madiah Mohammad Khir. 2015. "Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen Menurut Fiqh dan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisa". *The E-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Bangi: Penerbit KUIS. Vol. 2. No. 1.

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian, pengkaji mendapati kecenderungan mahkamah menerima keterangan lisan dalam kes tuntutan pengesahan hibah adalah bergantung kepada fakta yang boleh diberikan oleh saksi tersebut berkaitan rukun dan syarat hibah. Contoh, dalam kes *Che Alias Muda lwn Abdul Mutalib Muda*,⁷⁰¹ Hakim Bicara telah meluluskan permohonan pengesahan hibah berdasarkan keterangan yang dikemukakan. Fakta mengenai kes ini adalah responden telah membuat permohonan pengesahan hibah yang didakwa dibuat oleh arwah ibu tirinya kepada beliau. Perayu telah merayu kerana tidak berpuashati dengan keputusan itu. Mahkamah Rayuan mendapati keterangan yang diberikan oleh saksi tidak menyokong dakwaan responden malah saksi-saksi yang dikemukakan tidak hadir ketika lafaz ijab dibuat oleh si mati kira-kira 30 tahun dahulu dan tiada saksi lain dikemukakan. Disebabkan itu, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan perayu dan membatalkan keputusan Hakim Bicara.

4.6. Tahap Pembuktian

Tahap pembuktian juga boleh disebut sebagai “berat beban pembuktian” atau “berat beban bukti” ialah ukuran (sekadar manakah) sesuatu keterangan itu diperlukan untuk membolehkan ia disabitkan sebagai suatu kesalahan. Dalam erti kata yang lain “berat beban bukti” membicarakan mengenai setakat mana tahap pembuktian yang diperlukan untuk mensabitkan sesuatu kes dalam Islam.⁷⁰² “Berat beban bukti” merupakan bentuk atau nilai beban pembuktian di sisi undang-undang tentang kadar banyak keterangan yang diperlukan supaya dianggap telah terlepas daripada beban pada satu isu di sisi undang-

⁷⁰¹ [2008] 1 CLJ (SYA) 136

⁷⁰² Mahmud Saedon A. Othman. 1989. “Pembuktian: Kepentingan Beban dan Hukumnya”. *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: JKSM. Vol. 6. No. 2. p. 167.

undang. Ia mempersoalkan sejauh mana pihak yang dikenakan beban bukti atau mengemukakan keterangan sehingga dapat memuaskan mahkamah.⁷⁰³

Tahap pembuktian mengikut hukum syarak dibahagikan kepada lima (5) tahap. Namun sebahagian ulama ada membahagikan tahap pembuktian kepada dua iaitu *yaqīn* dan tidak pasti. Sementara itu, bagi bahagian tidak pasti dibahagikan pula kepada tiga jenis iaitu *zan*, *syak* dan *Waham*.⁷⁰⁴ Namun bagi kajian ini, pengkaji membahagikan tahap pembuktian kepada lima bahagian atau jenis untuk kita lebih mudah memahami dan untuk mengenal pasti perbezaan antara satu dengan yang lain, iaitu:

- a. Tahap yang pertama ialah *yaqīn*. *Yaqīn* ditakrifkan sebagai suatu ketetapan hati tanpa ada sebarang keraguan berdasarkan bukti-bukti yang putus.⁷⁰⁵ Kejayaan seseorang membuktikan kes sehingga ke tahap *yaqīn* bermakna kes tersebut berjaya dibuktikan tanpa sebarang keraguan bahawa yang dituduh telah melakukan kesalahan tertentu. Keyakinan bermaksud suatu perkara yang pasti telah berlaku atau sangkaan terhadap sesuatu perkara yang benar-benar berlaku. Dalam sesetengah kes, ia merujuk kepada tahap *irresistable conclusion*. Keyakinan ini boleh memastikan satu-satu kebenaran terhadap dakwaan yang dikemukakan dengan hal ini bersesuaian dengan kaedah “keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan *syak*.”⁷⁰⁶

⁷⁰³ Abdul Rahman Mustafa. 1988. *Prinsip Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia. p. 118.

⁷⁰⁴ Subhi Mahmasani. 1968. *Falsafat al-Tasyrī' fī al-Islām*. Beirut. Lubnān: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn. Cet. 5. p. 327.

⁷⁰⁵ Ibrahim Muhammad Mahmud al-Hariri. 1998. *Al-Madkhal Ila al-Qawā'id al-Fiqhiyyat al-Kulliyat*. Ammān. Jordān: Dār Ammār. p. 78.

⁷⁰⁶ Mahmud Saedon A. Othman. 1989. “Pembuktian: Kepentingan Beban dan Hukumnya”. *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: JKSM. Vol. 6. No. 2. p. 188.

- b. Tahap yang kedua pula adalah *zan al-ghālib* (*ghalabat al-zan*) iaitu *zan* yang sampai ke tahap berat sangka. Jika *zan* yang sampai kepada tahap *zan al-ghālib* atau berat sangka, maka tahap ini diterima dalam keterangan dan pembuktian yang akan mengambil alih tempat yakin.⁷⁰⁷ Sebagai contoh, jika sebuah kapal telah karam di tengah-tengah lautan maka bolehlah dihukumkan penumpang-penumpang kapal tersebut sebagai mati berdasarkan berat sangka atau *zan al-ghālib*.⁷⁰⁸ Secara mudahnya, *zan al-ghālib* ini adalah bersamaan dengan sesuatu perkara yang didakwa tersebut adalah besar kemungkinan, berat sangka atau tanpa keraguan yang munasabah ia adalah benar. Dalam situasi ini tahap *zan al-ghālib* adalah diterima dalam pembuktian dan cenderung untuk diletakkan setara dengan darjah *yaqīn*.⁷⁰⁹
- c. Manakala tahap yang ketiga ialah *zan* yang bermaksud sangkaan atau dalam keadaan tidak pasti tetapi lebih mirip kepada benar. Kedudukan *zan* ini lebih rendah daripada *yaqīn* dan boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu *zan* yang benar dan *zan* yang tidak benar.⁷¹⁰ *Zan* yang tidak dibenarkan dalam agama Islam adalah yang tidak dikuatkan oleh sebarang bukti atau tanda zahir yang sejajar dengan *zan* tersebut tidak cukup untuk mensabitkan sesuatu kes. Walaupun demikian adakalanya *zan* ini menepati kebenaran.⁷¹¹ *Zan* yang jelas salahnya tidak menepati kebenaran dan menyimpang daripadanya, hendaklah ditinggalkan dan tidak boleh diambil kira berdasarkan konsep “Tidak *diiktibar* (diambil kira) sangkaan yang jelas

⁷⁰⁷ Subhi Mahmasani. 1968. *Falsafat al-Tasyrī' fī al-Islām*. Beirūt. Lubnān: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn. Cet. 5. p. 16.

⁷⁰⁸ Mahmud Saedon A. Othman. 1989. “Pembuktian: Kepentingan Beban dan Hukumnya”. *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: JKSM. Vol. 6. No. 2. p. 189-190.

⁷⁰⁹ Suhaizad Saifuddin. 2021. “Darjah Pembuktian bagi Kesalahan Hudud di bawah Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia: Yaqin Atau Zan Al-Ghalib?”. *INSLA E-Proceedings*. Nilai: USIM. Vol. 4. No.1. Jan. p. 34.

⁷¹⁰ Subhi Mahmasani. 1968. *Falsafat al-Tasyrī' fī al-Islām*. Beirūt. Lubnān: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn. Cet. 5. p. 326.

⁷¹¹ Al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Beirūt. Lubnān: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 16. p. 16.

salahnya.” Walau bagaimanapun perlu difahami bahawa ia merupakan prinsip secara umum, dalam keadaan-keadaan tertentu *zan* mungkin boleh membantu dan diguna pakai bagi mencapai kebenaran walaupun kedudukannya tidak setaraf *zan al-ghālib* apatah lagi *yaqīn*.

- d. Tahap yang keempat pula ialah *syak*. *Syak* merupakan suatu keadaan yang tidak pasti benar atau salah dan antara sabit kesalahan atau tidak sabit.⁷¹² Tahap ini tidak mampu mengangkat keyakinan berdasarkan kaedah fiqh yang menegaskan bahawa, “Keyakinan tidak terangkat atau dihilangkan dengan keraguan.”⁷¹³ Ini bermakna keyakinan tidak boleh dikalahkan atau diketepikan oleh *syak*, kerana *yaqīn* merupakan tahap yang paling tinggi, sedangkan *syak* pula merupakan tahap pembuktian yang lebih rendah, iaitu tahap kemungkinan. Sehubungan dengan hal dua tahap pembuktian ini, terdapat kaedah fiqh yang menegaskan bahawa, “*Yaqīn* tidak boleh dihilangkan oleh *syak*” yang penting untuk difahami sebagai asas bagi menentukan tahap atau berat beban bukti yang diperlukan dalam sesebuah kes.⁷¹⁴ Berdasarkan kaedah fiqh ini ia membawa maksud bahawa kemungkinan tidak boleh mengetepikan atau mengalahkan keyakinan.
- e. Manakala tahap yang terakhir sekali adalah *waham*, iaitu sangkaan yang lebih hampir kepada salah atau lawan kepada *zan*. *Waham* tidak harus diambil kira dan hendaklah ditolak kerana ia tidak boleh dijadikan sebagai asas pensabitan berdasarkan kaedah fiqh yang menegaskan “*Waham* tidak diambil kira

⁷¹² Ibrahim Muhammad Mahmud al-Hariri. 1998. *Al-Madkhal Ila al-Qawāid al-Fiqhiyyat al-Kulliyat*. Ammān. Jordān: Dār Ammār. p. 78.

⁷¹³ Subhi Mahmasani. 1968. *Falsafat al-Tasyrī' fī al-Islām*. Beirūt. Lubnān: Dār al-'Ilm li al-Malāyin. Cet. 5. p. 327.

⁷¹⁴ Mahmud Saedon A. Othman. 1989. “Pembuktian: Kepentingan Beban dan Hukumnya”. *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: JKSM. Vol. 6. No. 2. p. 190.

(*dii'tibar*).⁷¹⁵ *Waham* ini termasuklah “kemungkinan semata-mata” tanpa alasan atau keterangan. Kemungkinan seperti ini adalah ditolak dan tidak boleh diambil kira. Walaupun demikian terdapat keadaan-keadaan yang membawa pengecualian yang memberi makna bahawa, tidaklah semua jenis kemungkinan itu ditolak dan tidak boleh diambil kira dalam pensabitan kerana, jika kemungkinan tersebut mempunyai alasan atau dalil maka ia bukan lagi merupakan “kemungkinan semata-mata”.⁷¹⁶

Selanjutnya, tahap pembuktian yang perlu dicapai dalam pembuktian sesuatu kes biasanya sama ada *yaqīn*, *zan al-ghālib*, (berat sangka) atau *zan* (pertimbangan kemungkinan). Dua (2) tahap pembuktian lagi iaitu *syak* dan *waham* adalah tidak diterima oleh syarak sebagai tahap yang dibenarkan untuk satu-satu dakwaan tersebut diterima. Perbuatan menghukum berdasarkan keadilan ertinya menghukum berdasarkan keterangan serta hujah yang sampai ke tahap *yaqīn*. Manakala perbuatan menghukum sesuatu kes berdasarkan bahan bukti yang tidak pasti, *syak*, *waham* dan sebagainya adalah bertentangan dengan konsep keadilan tersebut.⁷¹⁷ Sebagai contoh, pembuktian ke tahap andaian yang kuat (*ghalabat al-zan*) adalah memadai untuk mensabitkan kes membabitkan hak kerana kes ini sukar untuk mencapai tahap *yaqīn*. Contohnya, penentuan sifat adil atau kesukaran yang dihadapi oleh seseorang, sudah tentu tidak dapat dipastikan hingga ke tahap *yaqīn*. Oleh yang demikian adalah memadai berdasarkan andaian yang kuat.⁷¹⁸

⁷¹⁵ Subhi Mahmasani. 1968. *Falsafat al-Tasyrī' fī al-Islām*. Beirūt. Lubnān: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn. Cet. 5. p. 327.

⁷¹⁶ Mahmud Saedon A. Othman. 1989. “Pembuktian: Kepentingan Beban dan Hukumnya”. *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: JKSM. Vol. 6. No. 2. p. 190.

⁷¹⁷ Sidi Ahmad Abdulla. 1998. *Pembuktian dan Keterangan dalam Undang-undang Islam: Rujukan Khusus kepada Qarinah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM. p. 4.

⁷¹⁸ Mustofa Al-Khin, et al. 2005. *Kitāb Fiqah Madhhab Syafi'iy*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. Vol. 8. p. 2205.

Pembuktian dalam kes mal dan kes jenayah di mahkamah syariah adalah berkisar kepada pembuktian fakta di dalam mahkamah dan hendaklah dibuktikan melalui keterangan menurut undang-undang. Fakta yang dimaksudkan termasuklah apa-apa benda; keadaan benda atau hubungan benda yang boleh ditanggapi dengan pancaindera; atau/dan apa-apa keadaan mental yang disedari oleh mana-mana orang.⁷¹⁹ Fakta ialah satu kejadian atau keadaan yang diketahui telah berlaku atau wujud.⁷²⁰

Contoh yang dapat dijelaskan adalah seperti situasi A dan B iaitu, A yang telah menceraikan isterinya B merupakan suatu fakta. Pembuktian fakta adalah untuk membuktikan suatu fakta persoalan yang dibangkitkan oleh pihak-pihak dalam suatu prosiding, atau fakta yang mempunyai kaitan dengannya. Sesuatu fakta dikatakan “terbukti sebaliknya” apabila mahkamah mempercayai atau berpendapat fakta itu tidak wujud atau berkemungkinan tidak wujud. Apa-apa fakta adalah dikatakan “tidak terbukti” apabila fakta itu tidak “terbukti” atau tidak “terbukti sebaliknya”. Sesuatu fakta dikatakan “terbukti” apabila mahkamah mempercayai atau berpendapat bahawa fakta itu wujud atau berkemungkinan wujud.⁷²¹

Fakta persoalan ertinya apa-apa fakta yang daripadanya, sama ada dengan sendiri atau berkaitan dengan fakta lain, wujudnya, tidak wujudnya, jenis atau takat apa-apa hak, liabiliti atau ketidak upaya yang ditegaskan atau dinafikan dalam mana-mana guaman atau prosiding, semestinya dapat disimpulkan.⁷²² Fakta persoalan adalah fakta utama yang perlu ada bagi pihak yang menanggung beban bukti untuk menang.⁷²³ Contoh bagi menjelaskan

⁷¹⁹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

⁷²⁰ n.a. 1995. *Kamus Undang-undang*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. p. 220.

⁷²¹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 2.

⁷²² ibid. Seksyen 3.

⁷²³ n.a. 1995. *Kamus Undang-undang*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. p. 220.

hal ini adalah sebagaimana dalam prosiding tuntutan pengesahan cerai, sama ada A telah menceraikan isterinya B adalah fakta persoalan. Dalam situasi lain sebagai contoh, A dituduh memukul isterinya B dengan tongkat dengan niat hendak menganiaya. Semasa perbicaraan A, fakta-fakta yang berikut adalah menjadi persoalan iaitu, A memukul B dengan tongkat itu; dan A mencederakan B dengan pukulan itu dengan niat hendak menganiaya. Mahkamah boleh menganggap atau menyifatkan sesuatu fakta sebagai wujud atau telah terbukti dan dibuktikan semasa memutuskan sesuatu kes yang dibicarakan di hadapannya. Mahkamah juga hendaklah menganggap apa-apa fakta sebagai wujud atau menyifatkan fakta itu sebagai terbukti sekiranya mahkamah berpuas hati terhadap pembuktian fakta tersebut.⁷²⁴

Contoh seterusnya berdasarkan kes *Rogayah Ismail lwn Abd. Razak Sulong*,⁷²⁵ iaitu mahkamah telah memutuskan bahawa harta yang diperoleh oleh pasangan ini tidak boleh dianggap sebagai harta bersama atau bukan harta bersama; dan bukan juga harta bercampur. Bekas suami dalam kes ini telah mengemukakan saksi iaitu bapanya dan perkara ini masih diterima sebagai keterangan yang lemah kerana terdapat tohmah. Beban pembuktian dalam kes ini adalah *syak*, kerana saksi yang ada membawa keterangan yang lemah. Selain itu masing-masing pihak bekerja secara berasingan yang memperoleh harta secara berasingan, dan situasi ini merumuskan bahawa pendapatan yang dihasilkan oleh setiap pihak dianggap sebagai hak masing-masing. Dalam keadaan ini, Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan telah meminta kedua-dua pihak bersumpah dan memerintahkan tuntutan kedua-duanya ditolak serta memutuskan harta yang dituntut bukan harta sepencarian.

⁷²⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 4.

⁷²⁵ *Rogayah Ismail lwn Abd. Razak Sulong* [2005] 2 JH 20 306.

Kedua-dua pihak telah gagal membuktikan tuntutan masing-masing atau dikira tidak terbukti.

4.6.1. Tahap Pembuktian Hibah

Apabila kita membicarakan tentang tahap pembuktian kes hibah bermakna kita juga membicarakan tahap pembuktian kes mal dan begitulah juga sebaliknya. Tahap pembuktian kes mal ialah tahap yang mesti dicapai oleh pihak-pihak dalam penghujahan mereka. Undang-undang keterangan yang telah disebutkan sebelum ini telah memberi gambaran tahap yang mesti dicapai untuk melepaskan tanggungjawab membuktikan fakta kes hibah sehingga mahkamah percaya, atau mahkamah berpendapat tentang anggapan dan tindakan orang yang berhemat terhadap kewujudan atau tidak wujud hibah tersebut.⁷²⁶ Tahap pembuktian bagi kes mal ini biasanya perlu mencapai tahap *yaqīn*, *zan al-ghālib* atau *zan*.⁷²⁷

Hal ini bermaksud tahap pembuktian dalam kes hibah yang paling rendah adalah pada tahap *zan*, iaitu pada tahapimbangan kebarangkalian sahaja. Tahap itu adalah yang paling minimum dan tidak boleh berada pada tahap bawah daripada itu iaitu *syak* atau *waham*. Kenyataan ini boleh dianggap sebagai rumusan berasaskan pandangan ulama yang menyatakan keterangan *zan* boleh diterima pakai bagi kes mal. Hal ini dijelaskan dalam kes antara *Nazily Mohd Nor lwn Salmah Ismail*,⁷²⁸ dengan Panel Rayuan menyatakan bahawa:

[36] Kes yang dirujuk oleh pihak Perayu, iaitu *Public Prosecutor lwn Datuk Hj. Harun b. hj. Idris & Ors 1 MLJ 180, 183*. Kami berpendapat ia tidak

⁷²⁶ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

⁷²⁷ Ruzman Md. Noor. 2007. "Pembuktian dalam Kes Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Vol. 15. No. 1. p. 33.

⁷²⁸ *Nazily Mohd Nor lwn Salmah Ismail*. Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Pulau Pinang. Kes Mal (Rayuan) No.: 07000-021-0009-0012-2009.

boleh menjadi rujukan kerana ia adalah kes jenayah yang memerlukan tahap keterangan yang tinggi. Sedangkan dalam kes di hadapan kami ini dan kes-kes sivil yang kami kemukakan adalah merujuk kepada kes mal. Tahap pembuktian dalam kes mal tidak sama dengan kes jenayah. Kes mal lebih rendah tahapnya.

Pengkaji mengemukakan beberapa contoh keputusan Hakim Bicara berkaitan dengan tahap pembuktian yang boleh diterima oleh mahkamah ataupun sebaliknya. Pertama, merujuk kepada kes *Maimunah Hamzah lwn Mohammad Embong*,⁷²⁹ Hakim Bicara semasa memutuskan tahap pembuktian berkaitan dengan hak penjagaan kanak-kanak; kadar nafkah anak; dan cara bayaran nafkah anak itu dikendalikan telah menyatakan:

Saya berpuas hati, adalah berdasarkan kenyataan bahawa beban pembuktian yang perlu ke atas Plaintiff kemukakan bagi membolehkan tuntutananya boleh disabitkan adalah sampai ke tahap *yaqīn* atau tahap yang paling berat, mengikut Hukum Syara’.

Hakim Bicara menggunakan perkataan “saya berpuas hati” yang menunjukkan hakim tersebut percaya kepada bukti yang dikemukakan oleh Plaintiff dalam kes ini. Manakala dalam kes *Bukhary Mohd. Noor lwn Aisyah Ismail*⁷³⁰ pula, empat perayu membuat tuntutan terhadap harta arwah bapa mereka yang telah ditukar nama kepada ibu mereka dengan mendakwa bahawa serahan itu merupakan amanah dan bukannya hibah. Perayu mengemukakan keterangan melalui tiga orang saksi, Saksi 1 ialah saudara Perayu yang mempunyai hak dalam harta, sementara Saksi 2 dan Saksi 3 tidak dapat menerangkan dengan jelas kedudukan harta tersebut. Manakala saksi Responden pula menyatakan bahawa harta tersebut merupakan kepunyaan si mati dan bukan yang telah ditukar nama kepada Responden. Hakim mahkamah memutuskan bahawa Perayu gagal kerana

⁷²⁹ *Maimunah Hamzah lwn Mohammad Embong* [2005] 2 CLJ (Sya) 16.

⁷³⁰ *Bukhary Mohd. Noor lwn Aisyah Ismail* [2004] 1 JH 21 245.

keterangan saksi tidak kuat dan Responden diminta bersumpah menafikan. Dalam kes ini, pembuktian menjadi *waham* kerana keterangan saksi adalah dalam keadaan tidak pasti.

Pengkaji merumuskan bahawa kes-kes tuntutan pengesahan hibah boleh disabitkan jika pembuktian mencapai tahap paling minimum iaitu pada tahap *zan* dan paling maksimum adalah pada tahap *yaqīn* dan neraca atau ukuran ini adalah bersesuaian dengan tahap pembuktian bagi kes-kes mal. Manakala dalam konteks undang-undang keterangan, tahap pembuktian adalah fakta kewujudan hibah tersebut telah dibuktikan berdasarkan bukti atau fakta yang telah dikemukakan. Pengkaji berpendapat keadaan pembuktian hibah yang mencapai boleh mencapai tahap *yaqīn* adalah melalui pengakuan pembuat hibah sahaja atau keterangan dua (2) orang saksi secara *syahadah* sahaja manakala keadaan pembuktian hibah pada tahap *zan al-ghalib* dan *zan* sukar untuk ditentukan kerana penentuan tersebut bergantung kepada fakta yang boleh diberikan oleh saksi yang dipanggil berkaitan rukun dan syarat hibah sekiranya keterangan tersebut diberi secara bayinah. Manakala sukar untuk memperolehi keterangan saksi secara *syahadah* pada masa kini kerana tidak memenuhi syarat '*adil*'.⁷³¹

Dalam konteks pembuktian dokumen hibah, pengkaji berpendapat pengakuan pembuat dokumen di mahkamah dan pengemukaan dokumen hibah yang asal boleh mencapai tahap *yaqīn*. Pengakuan pembuat dokumen tersebut telah memenuhi kehendak Seksyen 17.⁷³² Kaedah ini adalah satu kaedah pembuktian tahap *yaqīn* yang boleh dan mudah diperolehi pada zaman ini dan ia merupakan kaedah keterangan yang terbaik. Selain pengakuan pembuat dokumen, keterangan dua (2) orang saksi secara *syahadah* yang

⁷³¹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 83 (1).

⁷³² *ibid.* Seksyen 17.

menyaksikan penyediaan dokumen dan majlis hibah itu berlangsung boleh mencapai pembuktian ke tahap *yaqīn*. Keterangan dua orang saksi ini hendaklah memenuhi kehendak Seksyen 83.⁷³³

Namun berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati kebanyakan saksi yang memberi keterangan lisan hanya mencapai tahap saksi *bayinah* sahaja kerana kegagalan memenuhi syarat yang ditetapkan. Oleh yang demikian, keterangan dua orang saksi yang menyaksikan penyediaan dokumen dan majlis hibah bersama dokumen asal boleh disabitkan sebagai keterangan yang mencapai tahap *zan al-ghālib* dalam pembuktian dokumen hibah. Manakala keterangan dua orang saksi yang mengenali tandatangan dan tulisan pembuat dokumen, keterangan dua orang pakar dan sumpah merupakan keterangan yang mencapai tahap *zan* sahaja.

4.7. Prinsip Penerimaan Keterangan Dokumen Persendirian

Mahkamah syariah sudah mempunyai panduan berkaitan pembuktian dengan adanya akta, enakmen atau ordinan keterangan mahkamah syariah.⁷³⁴ Undang-undang keterangan ini bertujuan untuk menentukan tiga perkara iaitu penentuan fakta yang boleh dikemukakan di mahkamah; menggariskan jenis (apakah) keterangan yang boleh dikemukakan untuk buktikan kewujudan fakta yang dikemukakan dalam mahkamah; dan menentukan individu dan kaedah keterangan dikemukakan dalam proses pembuktian.⁷³⁵ Undang-undang keterangan yang berkuat kuasa di mahkamah syariah ialah undang-undang prosedur yang

⁷³³ *ibid.* Seksyen 83.

⁷³⁴ Undang-undang ini mengekalkan kerangka Akta Keterangan 1950 yang diguna pakai di mahkamah sivil yang berasal daripada Indian Evidence Act 1950 yang dirangka oleh James Fitzjames Stephen. Undang-undang ini kemudiannya melalui proses ubah suai dan penyaringan agar menepati hukum syarak yang telah memiliki prinsip jelas berkaitan keterangan dan pembuktian.

⁷³⁵ James Stephen. 1936. *A Digest of The law of Evidence*. London: MacMillan. p. xiii.

menjadi penapis sebelum sesuatu fakta atau keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah sama ada boleh diterima atau ditolak.

Keterangan ialah alat yang digunakan bagi membuktikan satu-satu fakta yang dikemukakan oleh pihak-pihak dalam perbicaraan. Jika fakta ini berjaya dibuktikan, maka ia akan diterima dan akan memberi kelebihan kepada pihak yang membawa fakta tersebut.

Prinsip penerimaan keterangan ini boleh dibahagikan kepada tiga turutan yang berikut:

4.7.1. Relevan

Relevan atau korelevanan ialah suatu prinsip umum dalam undang-undang keterangan yang menentukan keterangan yang boleh dikemukakan kepada mahkamah. Sebarang keterangan termasuklah keterangan yang diberikan melalui atau secara dokumen. Pihak-pihak yang bertikai boleh mengemukakan sebanyak mana keterangan yang dikehendaki namun keterangan tersebut hendaklah berkaitan dengan fakta yang menjadi pertikaian, atau fakta yang relevan dengan fakta persoalan tersebut. Konsep korelevanan ini diperkenalkan untuk mengelak pihak-pihak yang bertikai daripada mengemukakan keterangan atau fakta yang tidak mempunyai kaitan dengan kes yang dibicarakan.⁷³⁶ Sebagai contoh, sekiranya kes tuntutan yang dibicarakan adalah berkaitan dengan pengesahan hibah, maka fakta persoalan bagi kes hibah perlulah merujuk rukun hibah itu sendiri berdasarkan penetapan yang dibuat oleh *jumhūr* fuqaha merangkumi pemberi hibah, penerima hibah, barang yang dihibahkan, *sīghat* dan *al-qabd*.

Kesemua rukun ini telah digunakan dalam perbicaraan kesemua kes hibah semasa mahkamah syariah menentukan kesahan hibah tersebut. Contoh-contoh kes yang

⁷³⁶ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 9.

dilaporkan dalam *Jurnal Hukum*, antaranya kes *Teh bt. Ngah lwn Limah bt. Ismail & 6 Yg lain*,⁷³⁷ dan kes *Mohd Ihdzan Mohd Ali & 1 lagi lwn Aiyuhanil Mohd Ali*.⁷³⁸ Selain *Jurnal Hukum*, kes-kes yang dilaporkan dalam *Malayan Law Journal* (MLJ) seperti kes *Tengku Hj Jaafar Tengku Muda & 1 lagi lwn Kerajaan Negeri Pahang*,⁷³⁹ dan kes *Awang bin Abdul Rahman lwn Shamsuddin bin Awang dan 1 Lagi*.⁷⁴⁰ Kesemua kes yang dirujuk menyatakan pembentukan sesuatu hibah yang sah di sisi syarak dan berkuat kuasa hendaklah melihat tiga aspek, iaitu *ijāb* dan *qabūl* serta *qabḍ*. Setiap rukun ini juga mempunyai perincian syarat yang perlu dipenuhi bagi menentukan hibah itu sah di sisi syarak atau *vice versa*.⁷⁴¹

Hal ini diperkukuhkan dengan hasil kajian yang mendapati bahawa kesahan sesuatu hibah yang diputuskan oleh mahkamah perlu menepati rukun dan syarat hibah yang telah digariskan dalam agama Islam sama ada dengan adanya dokumen ataupun sebaliknya. Kewujudan dokumen hibah juga telah terbukti lebih memudahkan proses pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah.⁷⁴² Hal yang demikian bermakna keterangan boleh diberikan dalam mana-mana guaman atau prosiding mengenai kewujudan atau tidak wujud tiap-tiap fakta persoalan dan mengenai apa-apa fakta lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai *qarīnat*, dan tidak mengenai apa-apa fakta lain.⁷⁴³ Frasa “dan tidak ada yang lain” dalam Seksyen 5 tersebut adalah wajib. Konsep relevan atau *qarīnat* ini boleh diringkaskan sebagai semua bukti *qarīnat* atau relevan boleh diterima dengan

⁷³⁷ *Teh bt. Ngah lwn Limah bt. Ismail & 6 Yg lain* [2011] 2 JH 33 259.

⁷³⁸ *Mohd Ihdzan Mohd Ali & 1 lagi lwn Aiyuhanil Mohd Ali* [2011] 1 JH 33 45.

⁷³⁹ *Tengku Hj Jaafar Tengku Muda & 1 lagi lwn Kerajaan Negeri Pahang* [1987] 2 MLJ 74.

⁷⁴⁰ *Awang bin Abdul Rahman lwn Shamsuddin bin Awang dan 1 lagi* [1998] 6 MLJ 231.

⁷⁴¹ Ruzman Md. Noor. 2007. “Pembuktian dalam Kes Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia”. *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Vol. 15. No. 1. p. 134.

⁷⁴² Adilah Mohd Sa’afie & Mohd Zamro Muda. 2018. “Garis Panduan dalam Penyediaan Borang Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah”. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: UKM. Vol. 3. No. 1. Jun. p. 1.

⁷⁴³ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 5.

tertakluk kepada syarat namun tidak semua bukti yang diterima adalah relevan dan bukti tidak relevan tidak boleh diterima.

4.7.2. Kebolehterimaan

Keterangan dokumen persendirian tidak boleh dianggap sebagai wajib diterima jika suatu dokumen tersebut mengandungi fakta *qarīnat* atau relevan semata-mata. Walaupun suatu fakta yang dikemukakan dalam perbicaraan tersebut merupakan fakta yang relevan, namun jika sumber keterangan tersebut adalah daripada keterangan dengar cakap ataupun dokumen yang dikemukakan tersebut diragui ketulenannya, maka fakta tersebut tidak boleh diterima masuk. Kebolehterimaan dokumen persendirian adalah berdasarkan undang-undang sedangkan penentuan relevan atau *qarīnat* adalah berdasarkan logik dan kebarangkalian.

Selain itu, kebolehterimaan menyatakan sama ada bukti boleh diterima atau tidak, sedangkan *qarīnat* atau relevan menyatakan sama ada fakta yang diberikan relevan dengan fakta persoalan ataupun sebaliknya. Apabila satu-satu pihak ingin mengemukakan keterangan di mahkamah maka beberapa persoalan harus ditimbulkan. Pertama, adakah fakta yang ingin dikemukakan itu merupakan satu fakta yang relevan? Kedua, adakah terdapat sebarang halangan kepada penerimaan masuk keterangan tersebut dalam undang-undang keterangan? Jika jawapan kepada soalan pertama adalah positif, dan jawapan kepada soalan kedua adalah tiada maka keterangan tersebut adalah relevan dan boleh diterima masuk oleh mahkamah. Setelah melepasi peringkat tersebut maka hakim akan menentukan nilai suatu dokumen tersebut.⁷⁴⁴

⁷⁴⁴ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 12.

Pengkaji mendapati terdapat tiga elemen yang penting dalam menimbangkan kebolehterimaan sesuatu dokumen persendirian. Pertama, menentukan sama ada dokumen persendirian itu sebagai “*qarīnat*” atau “relevan” juga termasuk dalam penentuan elemen kebolehterimaan ini kerana hanya fakta persoalan dan fakta relevan sahaja dibenarkan untuk diberi kepada mahkamah.⁷⁴⁵ Bahkan mahkamah boleh mempersoalkan setiap dokumen yang hendak dikemukakan dari sudut kerelevanan, dan mahkamah hendaklah memutuskan mengenai isu kebolehterimaan sesuatu keterangan.⁷⁴⁶ Elemen kedua ialah tanggungjawab untuk membuktikan kewujudan atau keaslian dokumen tersebut, manakala elemen ketiga pula adalah membuktikan kesahihan kandungan dokumen. Hakim mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kesemua elemen tersebut dipenuhi sebelum dokumen tersebut boleh diterima kerana elemen ini saling berkait rapat antara satu sama lain dan dibahaskan dalam perbicaraan.

Kebolehterimaan satu-satu fakta dan keterangan merupakan persoalan yang harus ditentukan oleh hakim sebelum dokumen tersebut boleh diterima. Pihak yang mengemukakan dokumen tersebut hendaklah membuktikan dokumen tersebut boleh diterima mengikut undang-undang.⁷⁴⁷ Secara umum, prosedur untuk membuktikan kandungan dokumen adalah dengan cara mengemukakan dokumen asal itu sendiri. Setelah dikemukakan dokumen primer, maka pembuat dokumen akan dipanggil untuk membuktikan dokumen tersebut dan kandungannya akan ditandakan dengan betul.

Hakim Bicara dalam kes *Chong Khee Sang lwn Pang Ah Chee*⁷⁴⁸ menjelaskan bahawa tugas peguam adalah untuk melihat keterangan dokumen yang menjadi

⁷⁴⁵ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 5.

⁷⁴⁶ *ibid.* Seksyen 90.

⁷⁴⁷ *Tsia Development Enterprise Sdn. Bhd. lwn Awang Dewa* [1984] 1 MLJ 301.

⁷⁴⁸ *Chong Khee Sang lwn Pang Ah Chee* [1984] 1 MLJ 377.

sandarannya diserahkan dengan baik di mahkamah dan dibuktikan. Setelah dibuktikan, dia juga harus melihat bahawa ketika diterima menjadi bukti, dokumen tersebut ditandai dengan tepat seperti yang disyaratkan oleh undang-undang. Dokumen tidak boleh diterima sebagai bukti hanya kerana telah diserahkan kepada hakim dan ditandakan sebagai ekshibit. Sebelum menerima dokumen itu sebagai keterangan, mahkamah turut meletakkan kriteria yang perlu dipatuhi. Sebagai contoh, mahkamah meletakkan enam kriteria yang perlu ada apabila mengemukakan pita rakaman sebagai keterangan dalam kes *Mohd Ali Jaafar v PP*,⁷⁴⁹ iaitu:

- i. Pita rakaman telah diperiksa dan bersih daripada sebarang rakaman sebelum rakaman dibuat,
- ii. Mesin perakam berfungsi,
- iii. Pita rakaman tidak dipinda serta perlu dinyatakan pihak yang memiliki pita itu sepanjang masa (*chain of custody*),
- iv. Saksi memainkan semula pita rakaman selepas rakaman dibuat serta mendengar suara yang dapat dikenal pasti di dalam rakaman itu,
- v. Transkrip bagi rakaman itu disediakan, dan
- vi. Saksi memainkan semula pita rakaman dan menyemak transkrip untuk mengenal pasti identiti suara dan perbualan.

Pada peringkat rayuan, mahkamah mendapati kriteria ketiga dan keenam tidak dipenuhi. Terdapat *break in the chain of custody* apabila tidak dinyatakan mengenai kaedah (bagaimana) dan masa (bila) pita rakaman itu diberikan kepada seorang pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR). Selain itu, Pengadu selaku saksi telah mendengar pita rakaman sambil menyemak transkrip tidak memberikan keterangan lisan yang rakaman itu ialah suaranya dan Perayu, serta perbualan itu adalah antara mereka berdua. Oleh sebab itu, pita rakaman tersebut tidak boleh digunakan sebagai keterangan yang memberi kesan kepada pembatalan pensabitan dan hukuman.

⁷⁴⁹ *Mohd Ali Jaafar v PP* [1998] 4 MLJ 210.

Berkaitan dengan penandaan dokumen pula, amalan yang biasa ialah dokumen persendirian yang telah dikenal pasti atau sebagai dokumen pengenalan akan ditandai sebagai “ID” manakala penandaan dokumen persendirian yang diterima oleh mahkamah akan ditandai sebagai “P” untuk Plaintiff dan “D” untuk Defendan bersesuaian dengan peruntukan berikut:

- (1) Dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan dan diterima hendaklah ditanda dan, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, dokumen atau ekshibit itu atau salinan dokumen atau ekshibit itu hendaklah disimpan di dalam Mahkamah sementara menanti prosiding itu berakhir dan sehingga habis tempoh masa untuk rayuan.
- (2) Bagi maksud pengenalanpastian, hendaklah juga ditanda sesuatu dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan tetapi telah ditolak.⁷⁵⁰

4.7.3. Nilai Probatif

Nilai probatif ialah suatu nilai yang diberikan oleh hakim perbicaraan terhadap keterangan atau fakta yang dikemukakan oleh pihak bertikai setelah dokumen persendirian tersebut diterima masuk sebagai keterangan. Penilaian ini biasanya dibuat oleh hakim pada akhir perbicaraan kes semasa mempertimbangkan tuntutan pihak-pihak berkaitan dengan fakta persoalan. Nilai sesuatu keterangan itu bergantung pada hakim untuk menentukannya berdasarkan kebenaran, kebolehpercayaan dan keyakinan keterangan tersebut.⁷⁵¹

Sehubungan dengan perkara ini, rujukan kepada kes *Tan Ah Kow & Anor lwn Tan Chaui En*⁷⁵² boleh dijadikan sebagai panduan bagi memahami penentuan nilai probatif ini. Perayu Pertama merupakan pemilik berdaftar tiga bidang tanah (tiga tanah) dan pemilik

⁷⁵⁰ Malaysia. 1998. *Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998*. (Akta 585). Seksyen 125.

⁷⁵¹ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 12.

⁷⁵² *Tan Ah Kow & Anor lwn Tan Chaui En* [2018] 2 CLJ 610.

bersama 1/3 bahagian tidak berbahagi sepuluh bidang tanah (sepuluh tanah). Perayu Pertama dikatakan telah menjual tiga tanah dan 1/3 bahagiannya dalam sepuluh tanah tersebut (13 tanah) kepada saudara lelaki kandungnya (Responden) dengan harga belian sebanyak RM420,000.00 (harga belian) tanpa perjanjian bertulis. Selepas membayar penuh harga belian melalui ansuran tunai dan kontra dengan harga jualan motosikal yang dijual oleh Responden kepada Perayu Pertama, Responden menandatangani surat kuasa wakil (SKW) yang tidak boleh ditarik balik. Perayu pertama telah memindah milik tiga tanah tersebut kepada isterinya (Perayu Kedua) tanpa pengetahuan Responden.

Pesuruhjaya Kehakiman (PK) memutuskan terdapatnya perjanjian jual beli (PJB) secara lisan antara pihak-pihak yang bukti PJB tersebut adalah berdasarkan pemulangan bayaran lebih sebanyak RM5,316.00 oleh Perayu Pertama kepada Responden; bayaran kontra dengan motosikal yang dibekalkan oleh Responden kepada perniagaan Perayu Pertama; dan SKW yang ditandatangani oleh Perayu Pertama memberi Responden hak untuk berurusan dengan 13 tanah. Walaupun demikian, Mahkamah Rayuan memutuskan untuk membenarkan rayuan Perayu dengan menyatakan bahawa:

Berdasarkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi, tiada keterangan tentang perjanjian lisan untuk menjual 1/3 bahagian perayu pertama dalam sepuluh tanah tersebut dan tiga lagi tanah, yang dimiliki sepenuhnya oleh Perayu Pertama, kepada Responden dengan harga belian berjumlah RM420,000. Dapatan PK bahawa terdapat bayaran penuh oleh Responden kepada Perayu Pertama tidak disokong keterangan sama sekali. Dokumen-dokumen unilateral oleh Responden yang bertujuan menunjukkan bayaran-bayaran tidak mempunyai **nilai probatif** untuk menunjukkan dia membuat bayaran harga belian.

Pengkaji merumuskan bahawa jika keterangan hendak diterima di mahkamah, ia mesti relevan, material dan kompeten. Keterangan hendaklah mempunyai kecenderungan yang munasabah untuk membantu sama ada bagi membuktikan atau bagi membantah fakta

supaya dianggap relevan. Fakta sekurang-kurangnya hendaklah cenderung untuk meningkatkan atau mengurangkan kemungkinan fakta. Keterangan dianggap penting jika keterangan tersebut mampu membuktikan fakta persoalan sesuatu kes. Ketiga-tiga elemen ini hendaklah dipertimbangkan secara urutan yang ditetapkan sebelum sesuatu keterangan tersebut diterima dan diberi nilai pemberatan. Hal ini bersesuaian dengan keputusan dalam kes *Desa Samudera Sdn. Bhd. lwn Bandar Teknik Sdn. Bhd. dan 5 Others*,⁷⁵³ yang menyatakan bahawa:

Dalam undang-undang yang mengawal keterangan dokumen, seperti dalam keterangan lisan, tiga perkara yang dipersoalkan relevan, kebolehterimaan dan keberatan. Mereka mesti dipertimbangkan mengikut urutan itu. Perkara-perkara ini perlu dipertimbangkan dalam membuat perintah. Keterangan yang tidak relevan perlu diterjemahkan sebagai tidak boleh diterima dan perkara itu akan berakhir di situ. Kini, bukti yang relevan yang dijadikan boleh diterima masih tertakluk kepada elemen pemberatan. Mahkamah sama ada boleh memberatkannya kerana bukti, atau beberapa berat, berat yang sedikit atau tidak berat pada semua".

Berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa tiada elemen lain selain ketiga-tiga elemen yang telah diperjelaskan di atas. Ketiga-tiga elemen ini digunakan sebagai penapis dalam menentukan sesuatu keterangan tersebut diterima masuk ke dalam mahkamah seterusnya menentukan nilai keterangan tersebut berdasarkan kaedah pembuktian keterangan semasa diterima masuk ke dalam mahkamah. Bahkan kegagalan mematuhi prinsip pemakaian dokumen persendirian ini boleh menyebabkan penolakan dokumen persendirian tersebut sebagai keterangan di Mahkamah Syariah. Manakala penentuan samada tahap keterangan dokumen persendirian tersebut ke tahap *yaqīn atau zan al-ghālib* atau *zan* tertakluk kepada pembuktian sesuatu isu yang menjadi pertikaian.

⁷⁵³ *Desa Samudera Sdn. Bhd. v Bandar Teknik Sdn. Bhd. dan 5 others* [2012] 1 MLJ 729.

4.8. Kategori Dokumen Persendirian

Berdasarkan analisa penyelidik terhadap kes-kes hibah yang dibuat menggunakan dokumen hibah dan permohonannya ditolak adalah berdasarkan dua alasan iaitu; Pertama, dokumen hibah tersebut gagal dibuktikan mengikut kehendak undang-undang dan kedua, kandungan rukun atau syarat hibah dalam dokumen hibah tersebut gagal dibuktikan atau tidak lengkap. Kaedah dokumen persendirian dari sudut pembuktian boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu dokumen primer dan dokumen sekunder seperti yang berikut:

4.8.1. Dokumen Primer

Keterangan primer ertinya dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan mahkamah.⁷⁵⁴ Dokumen primer ialah dokumen asal atau dokumen utama iaitu dokumen yang dinyatakan oleh orang yang terlibat dalam kandungan dan isi kandungannya, dan pembuatnya hanya menyatakan apa yang didengar oleh seseorang.⁷⁵⁵ Dalam kes *Lucas lwn Williams & Sons*,⁷⁵⁶ keterangan primer didefinisikan sebagai keterangan yang secara undang-undang perlu diberi prioriti manakala keterangan sekunder pula didefinisikan sebagai keterangan yang diberikan apabila ketiadaan keterangan primer dengan sebab yang munasabah.

Kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder.⁷⁵⁷ Undang-undang telah menetapkan dokumen mestilah dibuktikan dengan keterangan primer kecuali dalam beberapa keadaan tertentu.⁷⁵⁸ Dalam

⁷⁵⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 49.

⁷⁵⁵ Arbouna, Mohammed Burhan. 1999. *Islamic Law of Evidence: The Function of Official Documents in Evidence*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas. p. 22.

⁷⁵⁶ *Lucas lwn Williams & Sons* [1892] 2 QB 113.

⁷⁵⁷ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 48.

⁷⁵⁸ *ibid.* Seksyen 51.

kes *Soo Boon Siong v Saw Fatt Seong & Ors*,⁷⁵⁹ mahkamah memutuskan bahawa ia merupakan satu peraturan yang kukuh juga terdapat pengecualian yang menghendaki bahawa apabila keterangan dokumen yang dikemukakan, keterangan primer bagi dokumen itu, iaitu pengemukaan dokumen asal itu sendiri adalah penting. Sebagai contoh, jika dalam sesuatu transaksi banyak dokumen telah dihasilkan, maka setiap dokumen itu merupakan dokumen primer. Jika dokumen-dokumen yang terlibat dihasilkan daripada satu proses yang seragam, maka dokumen tersebut juga merupakan dokumen primer. Bahkan kesemua dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer. Jika sesuatu dokumen disempurnakan dalam beberapa bahagian, maka setiap bahagian itu ialah keterangan primer bagi dokumen itu.

Dalam konteks perbahasan ini, pemakaian prinsip keterangan terbaik hendaklah terpakai dalam pembuktian dokumen persendirian iaitu dokumen mestilah dibuktikan dengan keterangan primer.⁷⁶⁰ Perkara ini ditekankan dalam kes *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman*,⁷⁶¹ Panel Rayuan memutuskan orang yang paling penting untuk mengesahkan suatu tandatangan yang diturunkan dalam suatu dokumen menyatakan sebagaimana berikut:

[10] Kami selanjutnya berpendapat, penulis petisyen bukan orang yang penting dalam isu mengenai pembuktian kandungan dokumen. Orang yang penting adalah pihak yang menyempurnakan dokumen tersebut, iaitu Allahyarham (Rani) dan SP1 (Muda b. Abu Bakar). Penulis hanya bertindak mendokumenkan kehendak dan hasrat Allahyarham. Ini bermakna kandungan dokumen tersebut dibuat oleh Allahyarham sendiri. Manakala SP1 saksi kepada kandungan dokumen. Oleh kerana itu keperluan untuk hadir sebagai saksi dalam isu P3 ini adalah Allahyarham dan SP1.

⁷⁵⁹ *Soo Boon Siong v Saw Fatt Seong & Ors* [2008] 1 CLJ 365.

⁷⁶⁰ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 51.

⁷⁶¹ *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman* [2014] 1 JH 39 at 32.

Sehubungan dengan perkara ini dalam kes *Ramlah Binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Bin Sulaiman & Seorang Lagi*,⁷⁶² mahkamah pada peringkat rayuan memutuskan tatacara pembuktian dokumen sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 56 tersebut hanya boleh dibuat sekiranya dokumen asal telah dikemukakan untuk pemeriksaan dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah. Namun, dokumen asal Surat Cara Hibah yang didakwa tidak pernah dikemukakan dan adalah mustahil untuk membuktikan kesahihan kandungan sesuatu dokumen sedangkan kewujudan dokumen itu sendiri tidak dapat dipastikan.

Manakala dalam kes *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 Lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain*,⁷⁶³ Plaintiff merupakan anak lelaki kandung kepada Allahyarhamah Puteh Sareah binti Daya (si mati). Si mati telah meninggal dunia pada 21.03.2011 akibat *Severe Acute Coronary Syndromme* dan telah meninggalkan ahli waris yang berhak untuk mewarisi harta peninggalannya. Suami si mati, telah meninggal dunia terlebih dahulu daripada si mati. Plaintiff 1, Plaintiff 2 dan Plaintiff 3 mendakwa si mati telah memeteraikan Surat Hibah yang disediakan oleh Zar Perunding Pusaka Sdn Bhd di hadapan dua (2) orang saksi pada 18.08.2010. Walaupun begitu, Surat Hibah bertarikh 18.08.2010 telah ditandakan sebagai ID-4. "ID" ini juga memberi maksud bahawa kewujudan dokumen hibah tersebut masih dipertikaikan sama ada dokumen itu digunakan semasa majlis akad tersebut atau sebaliknya. Oleh sebab kewujudan dokumen itu tidak dibuktikan, maka tuntutan Plaintiff ditolak.

⁷⁶² *Ramlah binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel bin Sulaiman & Seorang Lagi*. Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang. Kes Rayuan No.: 07200-044-0270-2010. (Tidak dilaporkan).

⁷⁶³ *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor. Saman No.: 10400-044-0534-2014. (Tidak dilaporkan)

Begitu juga dalam kes *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi & 8 Lain*,⁷⁶⁴ Plaintiff dan Defendan-Defendan kecuali Defendan 1 yang merupakan isteri si mati, merupakan anak kepada Allahyarham Daud bin Hj Aman (si mati) yang telah meninggal dunia pada 14.05.2013 akibat kemalangan jalan raya. Pada 12.04.2008, si mati telah membuat hibah secara bertulis dan lisan melalui dokumen yang dinamakan sebagai Dokumen Pengisytiharan di rumah yang beralamat di No. 14, Jalan PJS 6/3C, Kampung Lindungan, 46000, Petaling Jaya, Selangor. Si mati telah menghibahkan tiga (3) harta tak alih si mati kepada penerima yang telah ditetapkan. Walaupun demikian, Dokumen Pengisytiharan Hibah tersebut yang dibuat pada 12.04.2008 tersebut hanya ditandakan sebagai ID-5 sahaja tanpa dibuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen tersebut dan dipertikai kesahannya. Oleh itu, tuntutan Plaintiff telah ditolak kerana kewujudan dokumen tersebut tidak dibuktikan kesahannya.

Hakikatnya pengemukaan dokumen itu bukanlah untuk membuktikan kandungannya tetapi untuk membuktikan keberadaan atau kewujudannya. Penjelasannya adalah seperti contoh berikut, A iaitu penceroboh telah memecah masuk ke dalam pejabat B semasa pejabat itu tidak berpenghuni. Dia menjumpai blazer B dan mencuri dompet dari dalam poket blazer tersebut. Dompet itu berisi buku cek B yang telah diambil dari rumah A. A dituduh mencuri pejabat. Buku cek dan lesen memandu boleh diterima sebagai keterangan primer.⁷⁶⁵ Sebelum kandungan dokumen dapat dibuktikan, Hakim Bicara hendaklah memastikan bahawa dokumen itu sendiri dapat diterima dan penerimaan dokumen itu sendiri merupakan persoalan undang-undang.⁷⁶⁶ Perkara ini bersesuaian dengan pendapat

⁷⁶⁴ *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi & 8 lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor. Saman No.: 10400-044-0455-2013. (Tidak dilaporkan)

⁷⁶⁵ Richard May. 1995. *Criminal Evidence*. London: Sweet & Maxwell. p. 13.

⁷⁶⁶ *Au King Chor lwn PP* [1985] 1 MLJ 216.

mahkamah dalam kes *Haslina binti Mohd. Akhlar lwn Md. Salbakurana bin Misran*,⁷⁶⁷

Mahkamah berpendapat bahawa pembuktian kandungan dokumen dengan keterangan primer perlulah memenuhi ciri-ciri berikut:

- (a) Dokumen asal dikemukakan ke Mahkamah bagi tujuan pemeriksaan,
- (b) Pembuat dokumen mesti dipanggil untuk membuktikan dokumen tersebut, berdasarkan prinsip *best evidence rule*,
- (c) Pihak yang mengemukakan dokumen bertanggungjawab untuk membuktikan dokumen secara teratur dan membuat penandaan,
- (d) Sekiranya dokumen telah ditandatangani atau ditulis oleh seseorang individu, maka, tandatangan atau tulisan perlu dibuktikan bahawa ia adalah milik seseorang individu tersebut, dan
- (e) Dokumen yang tidak dibuktikan secara teratur perlulah diabaikan penerimaannya oleh Mahkamah.

4.8.2. Dokumen Sekunder

Selain keterangan primer, kandungan dokumen boleh dibuktikan dengan keterangan sekunder.⁷⁶⁸ Namun penerimaan keterangan sekunder dalam pembuktian dokumen persendirian terhad setakat perkara yang disebut oleh undang-undang keterangan sahaja. Pembuktian keterangan dokumen persendirian melalui pengemukakan keterangan sekunder hanya boleh dibuat setelah pihak yang hendak mengemukakan dokumen itu membuktikan bahawa saksi yang hendak memberi keterangan itu bukan sahaja telah melihat dokumen itu tetapi juga telah membacanya.⁷⁶⁹

Undang-undang keterangan ada memberi pengecualian kepada prinsip keterangan terbaik yang telah disebutkan sebelum ini. Ia menyenaraikan hal-hal apabila keterangan sekunder boleh dikemukakan bagi menggantikan keterangan primer.⁷⁷⁰ Contoh bagi

⁷⁶⁷ *Haslina Binti Mohd. Akhlar lwn Md. Salbakurana Bin Misran* [2018] 3 LNS 10.

⁷⁶⁸ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 48.

⁷⁶⁹ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 162.

⁷⁷⁰ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 52.

penjelasan ini adalah sebagaimana yang terkandung dalam kes *KPM Khidmat Sdn. Bhd.*

lwn Tey Kim Suie,⁷⁷¹ yang mana Mahkamah Agung menyatakan seperti berikut:

Sekiranya Responden menghendaki agar mahkamah bergantung kepada ringkasan akaun (di ms 117-121 rekod rayuan) tersebut, responden hendaklah membuktikan dan memuaskan hati mahkamah bahawa buku rekod tersebut telah hilang untuk membolehkan keterangan atau dokumen sekunder yang berkaitan dengan buku tersebut diterima.

Begitu juga dalam kes *Azlinda binti Wahab lwn Fazley Zulfikar bin Ismail*,⁷⁷² mahkamah telah menolak permohonan Saman Penghutang Penghakiman yang difailkan Pemiutang Penghakiman (JC) terhadap Penghutang Penghakiman untuk tuntutan nafkah anak tertunggak sebanyak RM3,820.00 untuk tempoh bulan Januari 2011 sehingga bulan April 2015. Jumlah tunggakan ini adalah berdasarkan perintah mahkamah yang memerintahkan Defendan hendaklah membayar nafkah seorang anak sebanyak RM250.00 sebulan dibuat melalui akaun Plaintif pada atau sebelum 30hb setiap bulan. Antara alasan mahkamah adalah seperti berikut:

[31] Kaedah asas bagi penerimaan masuk dokumen telah dinyatakan oleh Seksyen 48, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (EKMSNS 2003)

[32] Memandangkan penyata akaun bank Maybank Anak tersebut adalah salinan, maka, Seksyen 48 EKMSNS 2003 perlu dibaca bersama dengan Seksyen 52 EKMSNS 2003, yang menggariskan keadaan-keadaan yang membolehkan kandungan dokumen dibuktikan melalui keterangan sekunder.

Keterangan sekunder termasuklah salinan diperakui yang diberikan di bawah peruntukan undang-undang; salinan yang dibuat daripada naskhah asal melalui proses mekanikal salinan yang dibandingkan dengan salinan itu; salinan yang dibuat daripada naskhah asal atau yang dibandingkan dengan naskhah asal bagi memastikan ketepatan

⁷⁷¹ *KPM Khidmat Sdn. Bhd. lwn Tey Kim Suie* [1994] 2 MLJ 627.

⁷⁷² *Azlinda Binti Wahab lwn Fazley Zulfikar Bin Ismail* [2018] 3 LNS 9.

salinan itu. Hal ini termasuklah *counterpart* dokumen terhadap pihak yang tidak menyempurnakannya dan keterangan lisan mengenai kandungan sesuatu dokumen, yang diberikan oleh seseorang yang telah melihat atau mendengar sendiri dokumen itu atau menganggapnya sendiri dengan apa jua cara.⁷⁷³ Contohnya, salinan yang telah dibandingkan dengan salinan surat yang telah dibuat dengan mesin penyalin ialah keterangan sekunder mengenai kandungan surat itu jika dibuktikan bahawa salinan yang dibuat dengan mesin penyalin itu telah dibuat daripada dokumen asal.

Keterangan lisan mengenai suatu salinan yang telah dibandingkan dengan dokumen asal, ataupun keterangan lisan mengenai sesuatu fotograf atau salinan mesin dokumen asal tidaklah menjadi keterangan sekunder bagi dokumen asal tetapi keterangan yang membuktikan kewujudan dan kesahihan kandungan dokumen itu. Keterangan dokumen sekunder boleh diberikan mengenai kewujudan, keadaan atau kandungan sesuatu dokumen dan boleh diterima sebagai keterangan. Pihak yang ingin mengemukakan dokumen sekunder hendaklah membuktikan terlebih dahulu kerelevanan dokumen tersebut kepada mahkamah.⁷⁷⁴ Kerelevanan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Apabila dokumen asal dibuktikan atau didapati berada dalam milik atau di bawah kuasa orang yang terhadapnya dokumen itu hendak dibuktikan; dan mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakannya dan notis di bawah Seksyen 53 diserahkan kepada orang itu, namun orang itu tidak mengemukakan. Pembuktian pelaksanaan notis tersebut hendaklah ditunjukkan kepada mahkamah sebelum dokumen sekunder tersebut boleh dikemukakan.⁷⁷⁵
- (b) Apabila kewujudan, keadaan atau kandungan dokumen asal telah dibuktikan sebagai diakui secara bertulis oleh pihak lawan atau wakilnya yang diakui secara bertulis di hadapan Hakim atau Pesuruhjaya Sumpah

⁷⁷³ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 50.

⁷⁷⁴ *ibid.* Seksyen 51.

⁷⁷⁵ *ibid.* Seksyen 52(1)(a).

- yang beragama Islam.⁷⁷⁶ Hal ini kerana pengakuan tersebut sudah memadai dan fakta tersebut boleh diterima dan tidak perlu dibuktikan.⁷⁷⁷
- (c) Apabila dokumen asal itu telah musnah atau hilang, atau apabila pihak yang menawarkan keterangan mengenai kandungannya tidak dapat mengemukakannya dalam masa yang munasabah kerana apa-apa sebab lain yang tidak berbangkit daripada kemungkiran atau keabaiannya sendiri. Ia mesti dibuktikan bahawa pencarian yang bersungguh-sungguh telah dibuat untuk mencari dokumen asal.⁷⁷⁸ Prinsip ini diputuskan dalam kes *Tan Hian Tsin lwn PP*,⁷⁷⁹ apabila mahkamah menerima keterangan dokumen sekunder tersebut dalam bentuk salinan fotostat setelah mahkamah berpuas hati bahawa carian yang mencukupi telah dibuat dan yang asli tidak dapat dijumpai.
 - (d) Keterangan dokumen persendirian sekunder boleh diterima apabila dokumen asal itu adalah sebegitu keadaannya hingga ia tidak boleh dialih dengan mudah.⁷⁸⁰
 - (e) Apabila dokumen asal merupakan dokumen awam dalam definisi yang dimaksudkan dalam Seksyen 57. Seksyen ini hanya membenarkan salinan diakui benar sahaja boleh diterima dan bukan dokumen sekunder jenis yang lain.⁷⁸¹
 - (f) Apabila dokumen asal merupakan dokumen yang salinannya diperakui dibenarkan oleh tindakan tersebut atau oleh undang-undang lain yang berkuat kuasa buat masa ini di Malaysia untuk diberikan sebagai keterangan. Peruntukan ini hanya membenarkan salinan yang disahkan kerana dinyatakan dengan jelas dan jelas dalam Seksyen 52(2)(c). Peruntukan ini hendaklah dibaca bersama Seksyen 59, Seksyen 60, Seksyen 61 dan Seksyen 68.⁷⁸²
 - (g) Apabila dokumen asal itu terdiri daripada berbagai keterangan atau dokumen lain yang tidak boleh diperiksa dengan mudahnya di mahkamah, dan fakta yang hendak dibuktikan itu ialah kesimpulan am mengenai kesemuanya itu.⁷⁸³ Keterangan boleh diberikan tentang kesimpulan am mengenai dokumen itu oleh mana-mana orang yang telah memeriksanya dan yang mahir dalam pemeriksaan dokumen sedemikian.⁷⁸⁴ Lebih jauh lagi bahawa mana-mana orang dalam peruntukan ini merujuk kepada pakar tetapi pakar ini tidak dapat membuat laporan bertulis tetapi dia mesti hadir untuk memberikan laporan lisan.⁷⁸⁵

⁷⁷⁶ ibid. Seksyen 52(1)(b).

⁷⁷⁷ ibid. Huraian 3, Seksyen 45.

⁷⁷⁸ ibid. Seksyen 52(1)(c).

⁷⁷⁹ *Tan Hian Tsin lwn PP* [1979] 1 MLJ 73 (FC)

⁷⁸⁰ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 52(1)(d).

⁷⁸¹ ibid. Seksyen 52(1)(e).

⁷⁸² ibid. Seksyen 52(1)(f).

⁷⁸³ ibid. Seksyen 52(1)(g).

⁷⁸⁴ ibid. Seksyen 52(2)(d).

⁷⁸⁵ Resali Muda. 1998. *Documentary Evidence: It's Application in Court; A Comparative Study between Common Law, Malaysian and Islamic Law*. (Tesis Sarjana). Universiti Islam Antarabangsa. p. 58.

Selain daripada pembuktian kerelevanan dokumen persendirian tersebut, keterangan berkaitan keberadaan, keadaan atau kandungan dokumen boleh diberikan dalam keadaan-keadaan seperti yang berikut:

a. Dokumen asal itu sendiri mesti diterima. Perkara ini merupakan peraturan asas bagi penerimaan sesuatu dokumen persendirian. Prinsip ini hendaklah dibaca bersama dengan Seksyen 90 Akta 561 yang memperuntukkan hakim boleh meminta pihak yang berhasrat untuk mengemukakan dokumen menerangkan kerelevanan dokumen tersebut dengan fakta persoalan kes yang dibicarakan. Setelah mendengar, hakim bicara boleh memutuskan sama ada dokumen itu diterima atau tidak. Sekiranya dokumen asal tersebut tidak dapat diterima maka dokumen sekunder juga tidak boleh diterima.

b. Pembuktian pelaksanaan dokumen asal hendaklah dibuktikan sebelum dokumen sekunder boleh diterima. Seksyen 52 Akta 561 hanya menyebut tentang kewujudan, keadaan atau kandungan. Jadi pelaksanaan dokumen mesti dibuktikan dengan dokumen primer. Sebagai contoh, sekiranya sesuatu dokumen dikatakan telah ditandatangani atau telah ditulis keseluruhannya, atau sebahagiannya oleh mana-mana orang, maka tandatangan atau tulisan tangan mengenai sekian banyak daripada dokumen itu yang dikatakan sebagai tulisan tangan orang itu hendaklah dibuktikan sebagai dalam tulisan tangannya.⁷⁸⁶ Prinsip ini memberikan peraturan umum bahawa pembuktian pelaksanaan hendaklah dibuktikan sebelum keterangan kandungan boleh diterima sebagai keterangan.

⁷⁸⁶ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 54.

Pelaksanaan dokumen yang asal harus dibuktikan dahulu sebelum keterangan sekunder dapat diterima.⁷⁸⁷

Walau bagaimanapun, Hakim Bicara boleh mengecualikan prinsip tersebut dengan menggunakan kuasa budi bicara di bawah Seksyen 90 Akta 561 jika dokumen tersebut relevan dan akan dibuktikan pada perbicaraan yang selanjutnya. Sebagai contoh, dalam kes *Tsia Development Enterprise lwn Awang Dewa*,⁷⁸⁸ Hakim Bicara menyatakan bahawa:

Di bawah Seksyen 136(2) yang disebutkan di atas, kandungan dokumen yang ingin dikemukakan hanya boleh diterima dengan pembuktian pelaksanaan dokumen yang asal. Dalam hal ini, saya bersedia menggunakan budi bicara saya di bawah seksyen yang sama untuk membolehkan Defendan membuktikan kandungan dokumen yang ingin dikemukakan di bawah Seksyen 65(1)(c), tertakluk kepada Peguam terpelajar Defendan memberikan janji yang memuaskan bahawa pelaksanaan dokumen yang asal akan dibuktikan sewajarnya.

c. Dokumen asal hendaklah dimati setem dengan sempurna. Prinsipnya adalah, jika dokumen asal tidak dimatikan setem, tiada keterangan sekunder mengenai kandungannya yang dapat diterima. Prasyarat ketiga ini harus dibaca bersama dengan Seksyen 52 pada Akta Setem 1949. Sebagai contoh, *Ciew Vui Kiet & Anor lwn Chong Fook Tien & Ors*,⁷⁸⁹ Mahkamah Persekutuan telah menyenaraikan dua prinsip. Pertama, anggapan di bawah Seksyen 89 tidak timbul sekiranya terdapat bukti bahawa dokumen asal itu tidak dimati setem. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa tiap-tiap dokumen yang telah diminta dan tidak dikemukakan, setelah notis supaya mengemukakannya diberikan di bawah Seksyen 66, telah diakusaksi, disetem dan disempurnakan mengikut cara yang dikehendaki oleh undang-undang. Kedua, tidak ada bukti terma dokumen yang dapat dikemukakan

⁷⁸⁷ *Tsia Development Enterprise lwn Awang Dewa* [1984] 1 MLJ 301.

⁷⁸⁸ *ibid.*

⁷⁸⁹ *Ciew Vui Kiet & Anor lwn Chong Fook Tien & Ors* [1971] 2 MLJ 158 (FC).

walaupun semasa pembayaran duti setem kerana peruntukan undang-undang setem mengenai penandaan dokumen hanya berlaku pada dokumen yang asal setelah fakta (dokumen tidak dimati setem) ditetapkan dokumen tersebut harus dianggap tetap tidak dicap sehingga ia dibuktikan sebaliknya.

4.9. Pembuktian Dokumen Persendirian

Kaedah membuktikan dokumen persendirian telah ditetapkan dan undang-undang keterangan amat mengambil berat terutamanya berkaitan kebolehterimaan dokumen. Keterangan hanya boleh diterima jika dokumen tersebut boleh diterima secara sah semasa perbicaraan.⁷⁹⁰ Dalam menentukan penerimaan kewujudan sesuatu dokumen dan kandungan dokumen, undang-undang telah menetapkan kaedah pembuktian dokumen seperti berikut:

4.9.1. Pembuat Dokumen

Keharusan menggunakan kaedah ini diambil berdasarkan pemahaman daripada maksud tersirat peruntukan Seksyen 56(1) Akta 561. Pembuat dokumen tersebut mengakui dan tidak menafikan maka ia dipanggil sebagai pengakuan atau ikrar.⁷⁹¹ Ikrar merupakan pengakuan yang dibuat oleh seseorang sama ada secara bertulis, lisan atau isyarat. Ikrar boleh dibuat sama ada di dalam mahkamah atau di luar mahkamah mengikut syarat-syarat ikrar dalam hukum syarak. Sesuatu ikrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan merupakan *qarīnat* atau relevan.⁷⁹² Pengakuan ini hendaklah

⁷⁹⁰ Richard May. 1995. *Criminal Evidence*. London: Sweet & Maxwell. p. 8.

⁷⁹¹ Mohamed Fouzi Mokhtar, Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Ahmad Syukran Baharuddin. 2020. "Pembuktian Melalui Dokumen dalam Kes-kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia". *INSLA e-Proceeding*. Nilai: USIM. Vol. 3. No. 1. Okt. p. 201.

⁷⁹² Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 17.

mengikat pembuat dokumen yang biasanya merupakan pemberi hibah, bersesuaian dengan Seksyen 17 Akta 561 itu sendiri.⁷⁹³

Perkara yang disebutkan ini merupakan kaedah keterangan yang terbaik dalam membuktikan kewujudan hibah tersebut dan juga membuktikan kesahihan serta ketulenan dokumen itu sendiri bersama kewujudan dokumen yang dimaksudkan. Jika pembuat dokumen tersebut mengakui dan tidak menafikan maka perkara ini dipanggil sebagai pengakuan atau ikrar. Pengakuan ini hendaklah mengikat pembuat dokumen bersesuaian dengan peruntukan undang-undang.⁷⁹⁴ Pengakuan seseorang tentang tulisan, tandatangan atau meterai maka hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang menyempurnakan dokumen itu.⁷⁹⁵

Sebagai contoh, dalam kes *Nik Azman Maula Nik Mohamed Haifa Taharin*,⁷⁹⁶ Plaintiff telah memfailkan tuntutan pengesahan hibah yang telah dibuat melalui satu dokumen bertulis yang mengandungi rukun-rukun hibah yang lengkap. Plaintiff membuat pengakuan bahawa dokumen tersebut dibuat secara sukarela dan memang berhasrat untuk menghibahkan sebuah rumah yang dinyatakan dalam dokumen bertulis tersebut kepada Defendan dan rumah tersebut bebas daripada sebarang tanggungan. *Al-qabḍ* dalam kes ini dibuat dengan cara menyerahkan geran rumah tersebut kepada Defendan. Susulan daripada itu, tuntutan Plaintiff diluluskan.

⁷⁹³ Mohamed Fouzi Mokhtar, Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Ahmad Syukran Baharuddin. 2020. "Pembuktian Melalui Dokumen dalam Kes-kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia". *INSLA e-Proceeding*. Nilai: USIM. Vol. 3, No. 1, Okt. p. 201.

⁷⁹⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 17.

⁷⁹⁵ *ibid.* Seksyen 55.

⁷⁹⁶ *Nik Azman Maula Nik Mohamed Haifa Taharin*. Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur. Saman No.: 14300-044-0445-2019. (Tidak dilaporkan).

Begitu juga jika dilihat dalam kes *Khairul Bariah Ahmad lwn Fatin Nabilah Mohd Radzuan*,⁷⁹⁷ Plaintiff telah memfailkan tuntutan pengesahan hibah sebuah unit rumah pangapuri yang dibuat oleh Plaintiff kepada Defendan melalui Dokumen Hibah pada 16.04.2017. Plaintiff mengakui bahawa dokumen tersebut adalah benar dan hal tersebut juga tidak dinafikan oleh Defendan selain mengandungi kesemua rukun hibah termasuk lafaz *ijāb* dan *qabūl*. Manakala *qabūl* dalam kes ini adalah berdasarkan pengakuan Plaintiff bahawa Defendan telah pun mengambil manfaat daripada harta tersebut. Oleh itu, tuntutan Plaintiff dibenarkan.

Manakala dalam kes pengesahan hibah *Abdul Rahman Hj Ahmad & 2 Lain*,⁷⁹⁸ Pemohon, Hj Abdul Rahman bin Hj Ahmad memohon untuk mengesahkan hibah yang telah diadakan pada 17.7.2010 dalam Majlis Pengisytiharan Hibah. Majlis tersebut dihadiri oleh dua orang saksi daripada Plaintiff. Dalam kes ini, harta yang dihibahkan belum ditukar nama kepada penerima-penerima hibah. Pemohon telah menandatangani satu dokumen hibah yang dikeluarkan oleh Syarikat Wasi Pusaka Sdn. Bhd. pada 17.7.2010. Berdasarkan kandungan dokumen tersebut terdapat elemen keterangan *ijāb* daripada pemberi hibah, elemen keterangan *qabūl* daripada penerima hibah dan tandatangan dua orang saksi yang membuktikan akad hibah itu berlaku. Hakim syarie meneliti keterangan saksi berkenaan yang menjelaskan bahawa pemberi hibah tidak dipaksa oleh mana-mana pihak ketika melafazkan *ijāb* seterusnya meluluskan tuntutan Plaintiff tersebut. Namun sekiranya pembuat dokumen menafikan atau enggan mengakui bahawa dokumen tersebut

⁷⁹⁷ *Khairul Bariah Ahmad lwn Fatin Nabilah Mohd Radzuan*. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor. Saman No.: 10100-044-0722-2018. (Tidak dilaporkan).

⁷⁹⁸ *Abdul Rahman Hj Ahmad & 2 Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Lumpur. Saman No.: 14700-044-0117-2010. Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Kedudukan Dokumen Hibah Berdasarkan Kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah". *E-Prosiding Seminar Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa 2019*. SePia 2019. KUIPSAS. 25-26 Sept. p. 131.

adalah dibuat olehnya maka beban membuktikan terletak kepada orang yang mendakwa tersebut untuk membuktikan dakwaannya. Undang-undang menetapkan bahawa jika pembuat dokumen menafikan tulisan dan tanggungan yang wujud berdasarkan dokumen tersebut maka pembuktian boleh dibuat berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan.⁷⁹⁹

4.9.2. Dua Orang Saksi Dokumen

Sekiranya pembuat dokumen tersebut meninggal dunia atau menafikan dokumen tersebut dibuat olehnya maka kewujudan dokumen persendirian tersebut boleh dibuktikan melalui keterangan dua (2) orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut. Saksi-saksi tersebut juga boleh mengesahkan kesahihan dan ketulenan dokumen persendirian tersebut sekiranya pembuat dokumen berkenaan menafikan sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 56(1) Akta 561, mengenai kewujudan dokumen itu.

Kaedah ini juga boleh dipakai untuk membuktikan dokumen tersebut sekiranya pembuat dokumen telah meninggal dunia atau yang seumpamanya, namun ia hendaklah dibuktikan bersama kewujudan dokumen asal dikemukakan di mahkamah. Prinsip penerimaan dokumen sebegini telah diputuskan dalam kes *Zainab Mahmood lwn Abd Latif b. Jusoh*,⁸⁰⁰ dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam soal kebolehterimaan keterangan dokumen seperti berikut:

Surat ini dicap dengan “Salinan Disahkan Betul” oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dari segi undang-undang, pengesahan itu hanya bertujuan untuk membolehkan salinan surat yang asal dijadikan barang bukti sewaktu perbicaraan di mahkamah. “Salinan Disahkan Betul” hanya membuktikan bahawa surat asal ada di dalam milikan dan jagaan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Tetapi ia tidak sekali-kali boleh dianggap atau digunakan sebagai bukti pengesahan dari pihak pengarah,

⁷⁹⁹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 56.

⁸⁰⁰ *Zainab Mahmood lwn Abd Latif b. Jusoh* [1993] 2 JH 8 303.

bahawa kandungan surat itu adalah benar. Kebenaran kandungan surat itu mestilah dibuktikan dengan cara biasa, iaitu dengan memanggil saksi, sekiranya ada.

Contoh lain adalah sebagaimana dalam kes *Harizah binti Zainal Ehsan lwn Fatimah binti Yusof & 3 Lagi*,⁸⁰¹ Hakim Syarie turut mengiktiraf Surat Pengisytiharan Hibah daripada Syarikat Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd yang dibuat oleh pihak-pihak setelah disokong oleh saksi yang menyaksikan transaksi hibah yang berlaku antara pihak-pihak bagi menguatkan tuntutan dokumen berkenaan. Seterusnya, Hakim Bicara menerima dokumen tersebut sebagai pembuktian yang kukuh berlakunya transaksi hibah, dan terus mengesahkan hibah berkenaan.

Contoh lain adalah dalam kes *Mohd Akbar bin Shafawi lwn Fara Soraya binti Tarmizi dan Khafil Rusyaidi bin Kamarul Rasydan*.⁸⁰² Pemohon ingin memberikan hartanya kepada Responden Pertama yang juga isteri Pemohon iaitu Fara Soraya binti Tarmizi, dan Responden kedua, Khafil Rusyaidi bin Kamarul Rasydan iaitu anak angkat Pemohon yang masih di bawah umur. Pemohon telah melaksanakan akad hibah kepada Responden Pertama dan Responden Kedua menerusi dokumen Deklarasi Hibah yang dikeluarkan oleh Syarikat al-Quds Sdn. Bhd. Berdasarkan alasan penghakiman kes ini, Hakim Bicara telah mengiktiraf dokumen tersebut sebagai elemen *ijāb* dan *qabūl* setelah disokong dengan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan transaksi hibah ini berlaku seterusnya mengesahkan hibah.

⁸⁰¹ *Harizah Binti Zainal Ehsan lwn Fatimah Binti Yusof & 3 Lagi*. Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam, Selangor. Saman No.: 10100-044-0220-2013. (Tidak dilaporkan).

⁸⁰² *Mohd Akbar Bin Shafawi lwn Fara Soraya Binti Tarmizi dan Khafil Rusyaidi Bin Kamarul Rasydan*. Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan. Saman No.: 06100-044-0473-2014. (Tidak dilaporkan). Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Kedudukan Dokumen Hibah berdasarkan Kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah". *E-Prosiding Seminar Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa 2019*. SePia 2019. KUIPSAS. 25-26 Sept. p. 131.

Begitu juga dalam kes *Nor Haily Maizura binti Hussein lwn Nur Shamsul Bhariah binti Hussein dan Lima Yang Lain*.⁸⁰³ Hakim Syarie menerima Deklarasi Hibah yang ditandatangani oleh pemberi hibah sebagai salah satu bukti kewujudan elemen *sīghat* walaupun tiada lafaz *qabūl*, atau tandatangan oleh penerima hibah setelah keterangan berkaitan dengan dokumen tersebut disokong dengan keterangan empat orang saksi yang terdiri daripada isteri pemberi hibah; salah seorang daripada penerima hibah; dan dua orang pegawai Syarikat Salihin Trustee yang menyaksikan tindakan pemberi hibah menurunkan cop jari pada dokumen berkenaan. Hal ini disusuli dengan tindakan *qabd* yang dilakukan oleh penerima hibah yang telah mendapat keizinan pemberi hibah untuk menguasai harta tersebut yang membawa kepada transaksi hibah itu sah.

Begitu juga jika dirujuk dalam kes *Haris b. Mohd Amin lwn Muhd Noor b. Mohd Amin & 3 Lain*,⁸⁰⁴ Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Bicara yang mensabitkan hibah si mati kepada Responden 1 ke atas hartanah, wang simpanan dan barang kemas. Semasa mahkamah memutuskan rayuan tersebut mendapati Perjanjian Hibah bertarikh 23.10.2004 (P6) dan Perjanjian Hibah bertarikh 19.7.2010 (P7) telah membuktikan kewujudan hibah tersebut kerana P6 dan P7 merupakan suatu dokumen yang sah dan telah pun disetemkan di bawah Akta Setem 1949 bagi membolehkan dokumen tersebut dijadikan keterangan, terutama tindakan sivil. Responden juga telah mengemukakan saksi yang membuat dan menyaksikan perjanjian hibah pada 2004 dan 2010. Perkara ini bersesuaian dengan Seksyen 55 Akta 561. Berkenaan dengan *qabd* bagi wang simpanan dan barang kemas adalah apabila Responden telah memegang buku ASB

⁸⁰³ *Nor Haily Maizura Binti Hussein lwn Nur Shamsul Bhariah Binti Hussein dan Lima Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur. Saman No.: 14700-044-0132-2011. (Tidak dilaporkan).

⁸⁰⁴ *Haris b. Mohd Amin lwn Muhd Noor b. Mohd Amin & 3 Lain*. Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes Rayuan No. 14000-044-0048-2014. (Tidak dilaporkan).

dan barang kemas tersebut. Bahkan Responden telah membayar zakat bagi harta tersebut seperti dibuktikan dengan resit zakat yang ditandakan P14.

Manakala dalam kes *Abu Talib @ Musa bin Muda lwn Che Alias bin Che Muda*,⁸⁰⁵ Plaintiff telah membuat tuntutan hibah ke atas sebidang tanah di GM58 Lot 1662 Mukim Batu Buruk Kuala Terengganu dan sebuah rumah di Kg Pengadang Akar Kuala Terengganu. Mahkamah dalam kes ini telah menerima keterangan dokumen yang dikemukakan oleh Plaintiff iaitu Surat Perjanjian Kasih Sayang yang ditandatangani oleh Pemberi Hibah iaitu Wok binti Yusof dengan disaksikan oleh Ramlah bt Muda dan Dasimah bt Muda. Saksi-saksi juga berkata bahawa pemberi hibah faham dan surat itu telah dibaca di hadapan mereka bertiga. Selepas difahami barulah dokumen tersebut dicap jari oleh mereka bertiga, malah pemberi hibah masih sihat dan tiada paksaan wujud ketika itu. Justeru, mahkamah mengesahkan tuntutan hibah oleh pihak Plaintiff.

4.9.3. Dua Orang Saksi Tulisan dan Tandatangan

Sekiranya saksi yang menyaksikan kewujudan kepada dokumen itu tidak dapat ditemui atau dipanggil ke mahkamah syariah maka tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan melalui kaedah dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan dokumen itu seperti ditetapkan dalam Seksyen 56(2) Akta 561. Pembuktian melalui kaedah ini biasanya menggunakan keterangan saksi yang rapat dengan pemberi hibah yang mengenali tulisan pemberi hibah. Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meterai hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang menyempurnakan dokumen itu.

⁸⁰⁵ *Abu Talib @ Musa bin Muda lwn Che Alias Bin Che Muda* [2006] 2 JH 22 161.

Sesuatu pengakuan yang dibuat dalam dokumen yang ditulis atau yang disebabkan ditulis oleh seseorang di bawah tandatangan atau meterainya dan diserahkan kepada orang lain boleh diterima sebagai ikrar, dengan syarat hendaklah dipatuhi.⁸⁰⁶ Sebagai contoh, dalam kes *Abd Razak bin Abd Ghani lwn Abd Rahim bin Othman*,⁸⁰⁷ Panel Rayuan memutuskan orang yang paling penting untuk mengesahkan suatu tandatangan yang diturunkan dalam suatu dokumen adalah sebagaimana berikut:

[9] Oleh itu kami berpendapat mengikut Seksyen 55(1) pengakuan SP-1 bahawa ia adalah tandatangan beliau sendiri (Rekod Rayuan m.s 32), maka ianya boleh diterima sebagai pengakuan orang yang menyempurnakan dokumen P3.

4.9.4. Dua Orang Pakar

Sekiranya kesemua kaedah yang tersebut sebelum ini tidak boleh digunakan untuk membuktikan kewujudan, keaslian dan kesahihan dokumen maka pembuktian dokumen persendirian tersebut boleh dibuat melalui sekurang-kurangnya keterangan dua orang pakar seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 56(1) Akta 561(3). Keterangan Pakar bermakna kesaksian orang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang. Keterangan pakar ialah pendapat yang diberikan seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan.⁸⁰⁸ Ibn Qayyim mentafsirkan pakar sebagai kesaksian orang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang.⁸⁰⁹

Pendapat pakar ialah keterangan yang merupakan pendapat atau kepercayaan seorang saksi, bertentangan dengan keterangan fakta yang boleh diterima sebagai

⁸⁰⁶ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 55.

⁸⁰⁷ *Abd Razak Bin Abd Ghani lwn Abd Rahim bin Othman* [2014] 1 JH 39 32.

⁸⁰⁸ Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. p. 150.

⁸⁰⁹ Ibn Qayyim al-Jauziyyah. 1977. *Al-Ṭurūq al-Ḥukmiyyah fī Siyāsaṭ as-Syar'iyyah*. Beirūt. Lubnān: Dār al-Kutūb 'Ilmīyah. . p. 188.

keterangan.⁸¹⁰ Hal ini memberi maksud bahawa keterangan yang diberikan oleh seseorang yang mempunyai pengetahuan khusus mengenai sesuatu bidang tertentu sama ada melalui pengetahuannya, pengalaman atau kemahirannya. Selain itu, pendapat pakar ini juga didefinisikan sebagai suatu keterangan dalam mahkamah berkaitan dengan sesuatu isu sains, teknikal atau profesional oleh orang yang pakar dalam bidang masing-masing. Pakar yang dimaksudkan ialah mereka yang berautoriti dalam suatu bidang berdasarkan bidang kepakaran sama ada dilatih berasaskan latihan yang khusus, skil atau kebiasaan mereka dalam bidang itu.⁸¹¹

Undang-undang tidak menentukan kepakaran seseorang itu berdasarkan agama atau tahap keadilannya (*credibleness*) tetapi yang penting ialah orang tersebut mestilah “mempunyai kemahiran khusus” dalam perkara-perkara tersebut. Oleh yang demikian, seorang doktor yang beragama Islam tetapi fasik, masih boleh memberi pendapatnya. Begitu juga seorang doktor yang bukan Islam, boleh memberi pendapatnya di dalam mahkamah syariah kerana bersifat *bayyinat*.⁸¹² Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasāb*, maka pendapat pakar diperlukan atas perkara itu dan bersifat *qarīnat*.⁸¹³

⁸¹⁰ n.a 2004. *Kamus Undang-Undang Oxford*. Selangor: Fajar Bakti. 6th Edition. p. 389.

⁸¹¹ Jasri Jamal. 2011. “Kebolehterimaan Teknologi dalam Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Syariah”. *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 33. No. 1. p. 6.

⁸¹² Zufakar Ramlee Saad. 2010. “Prinsip-Prinsip Pembuktian & Akta Keterangan Mahkamah Syariah”. Muzakarah Pakar. Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan kerjasama PISANG. Shah Alam. 21 Jul. p. 9.

⁸¹³ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 33.

Dalam konteks pembuktian dokumen persendirian, keterangan yang perlu dibuat oleh kedua-dua pakar tersebut adalah berkaitan dengan tulisan dan tandatangan pada dokumen itu.⁸¹⁴ Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan.⁸¹⁵ Contoh, sama ada suatu dokumen tertentu ditulis oleh *A*. Suatu dokumen lain dikemukakan yang dibuktikan atau diakui telah ditulis oleh *A*. Pendapat pakar atas soal sama ada kedua-dua dokumen itu telah ditulis oleh orang yang sama atau oleh orang yang berlainan ialah *qarīnat*. Fakta yang selainnya tidak *qarīnat* ialah *qarīnat* jika ia menyokong atau adalah tak konsisten dengan pendapat pakar apabila pendapat itu ialah *qarīnat*.⁸¹⁶

Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang sesiapa atau orang yang telah menulis atau menandatangani mana-mana dokumen, maka pendapat mana-mana orang yang kenal akan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menulis atau menandatangani dokumen itu, bahawa dokumen itu telah atau tidak ditulis atau ditandatangani oleh orang itu, ialah *qarīnat*.⁸¹⁷

4.9.5. Sumpah

Sekiranya kesemua kaedah yang telah dinyatakan sebelum ini masih tidak boleh dilaksanakan bagi membuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen, dan pembuat dokumen atau pemberi hibah tersebut menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu,

⁸¹⁴ *ibid.* Seksyen 56(4).

⁸¹⁵ *ibid.* Seksyen 33.

⁸¹⁶ *ibid.* Seksyen 34.

⁸¹⁷ *ibid.* Seksyen 35.

maka angkat sumpah hendaklah dibuat apabila diminta oleh orang yang mengatakan bahawa orang disebut terdahulu itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu. Jika dia enggan berbuat demikian, orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan berikutan dengannya membuktikan tuntutan seperti ditetapkan dalam Seksyen 56(6) Akta 561. Keadaan atau perkara ini bersesuaian dengan prinsip asal dakwaan iaitu keterangan hendaklah diberikan oleh orang yang mendakwa dan sumpah hendaklah menjadi tanggungan bagi orang yang menafikan atau ingkar.

4.10. Kebolehterimaan Dokumen Persendirian Elektronik

Perbincangan berkaitan kebolehterimaan dokumen persendirian elektronik ini dimulakan dengan merujuk kepada satu kes yang sering menjadi rujukan para pengkaji berkaitan dengan penerimaan atau pemakaian dokumen elektronik di mahkamah syariah iaitu kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan*.⁸¹⁸ Plaintiff dalam kes ini mendakwa telah memberikan pinjaman sebagai modal perniagaan berjumlah DS62,800.00 kepada Defendan semasa dalam tempoh perkahwinan mereka. Plaintiff menuntut Defendan menjelaskan bayaran bagi baki pinjaman itu yang masih belum dijelaskan kepadanya. Plaintiff tidak mengemukakan sebarang bukti sama ada dalam bentuk surat, perjanjian atau kontrak (*'aqad*) untuk mengatakan bahawa jumlah DS62,800.00 telah diberikan sebagai pinjaman atau hibah tetapi hanya mengemukakan cek berjumlah DS20,000.00 sebagai dokumen yang menunjukkan bahawa Defendan telah pun membayar sebahagian daripada hutang tersebut. Pada peringkat Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Bicara memutuskan untuk menerima cek tersebut sebagai bukti bayaran berdasarkan *qarīnat*. Namun pada

⁸¹⁸ *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

peringkat rayuan kes ini diputuskan untuk didengar semula dengan mengemukakan saksi yang dapat menyokong resit dan cek yang dibawa sebagai bukti dalam kes ini. Ini jelas menggambarkan wujudnya kekeliruan berkaitan dengan pengaplikasian dan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di mahkamah syariah.

Para pengkaji kes ini menyatakan bahawa keputusan kes ini menunjukkan mahkamah syariah tidak menerima dokumen elektronik sebagai keterangan sedangkan dokumen elektronik telah diiktiraf sebagai keterangan primer. Sebahagian pengkaji menyatakan keputusan kes ini telah menyebabkan kekeliruan dalam pengaplikasian dan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik ini.⁸¹⁹ Pengkaji mendapati anggapan ini timbul oleh salah faham terhadap prinsip penerimaan dokumen persendirian yang dilaksanakan oleh mahkamah syariah. Salah faham ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian yang menunjukkan sebahagian pengamal Undang-undang Syariah berpandangan keterangan dokumen elektronik ini memadai untuk dibuktikan melalui pengemukaan dokumen asal, manakala sebahagian lain berpandangan kesahihan dan ketulenannya hendaklah dibuktikan dengan memanggil saksi pakar sebagai keterangan sokongan.⁸²⁰

Pengkaji mempunyai pendapat yang berbeza dengan para pengkaji tersebut dan mendapati kedua-dua peringkat mahkamah sebenarnya menerima dokumen elektronik sebagai keterangan namun mereka berbeza dari sudut kaedah pembuktian dokumen persendirian elektronik tersebut. Hakim Bicara berpendapat bahawa bersesuaian dengan Seksyen 49 Akta 561, dokumen tersebut hendaklah dianggap sebagai dokumen primer dan

⁸¹⁹ Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, Azizah Mat Rashid & Fatimah Yusro Hashim. 2020. "Pengemukaan Dokumen Elektronik sebagai Keterangan dalam Perbicaraan Mahkamah Syariah". *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol. 27. Jun. pp. 59-60.

⁸²⁰ *ibid.* p. 59.

keterangan saksi lain tidak diperlukan, atau pembuat dokumen dipanggil untuk mengesahkan dokumen tersebut.

Manakala Hakim Mahkamah Rayuan Syariah pula berpendapat bahawa dokumen tersebut hendaklah dibuktikan berdasarkan prinsip umum penerimaan dokumen persendirian yang mensyaratkan pembuat dokumen dipanggil atau disokong oleh keterangan saksi yang lain. Pandangan berdasarkan prinsip dokumen persendirian termasuklah elektronik adalah *qarīnat* namun undang-undang telah menetapkan kaedah tertentu yang perlu dipatuhi seperti Seksyen 56 Akta 561 sebelum boleh diterima sebagai keterangan berdasarkan prinsip keterangan terbaik. Sekiranya pihak-pihak gagal memenuhi ketetapan undang-undang, maka dokumen tersebut tidak boleh diterima kerana hanya dokumen yang terbukti tulen dan kandungannya sah sahaja yang diterima sebagai bukti atau *qarīnat*.

Persoalannya, bagaimanakah pembuktian dokumen persendirian elektronik yang sebenarnya dan diiktiraf oleh akta atau enakmen atau ordinan negeri-negeri? Pengkaji merujuk kepada dua jenis undang-undang keterangan dalam membahaskan isu ini iaitu Akta 561 yang turut mewakili akta, enakmen atau ordinan yang tidak mempunyai peruntukan seperti Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950. Berdasarkan Analisa yang dibuat terhadap kesemua enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri, pengkaji mendapati satu-satunya enakmen yang telah memasukkan peruntukan tersebut ialah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (EKMS Perak).⁸²¹

⁸²¹ Dewan Undangan Negeri Perak. 2004. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (Enakmen No. 8 Tahun 2004)*.

Oleh yang demikian, pembuktian dokumen persendirian elektronik hendaklah dibuat berdasarkan peruntukan seksen 56 enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri bagi negeri-negeri yang tidak membuat pindaan seperti di negeri Perak. Manakala, pembuktian dokumen persendirian elektronik di Perak hendaklah dibuktikan berdasarkan Seksyen 73, Seksyen 74 dan Seksyen 75 EKMS Perak. Pengkaji mencadangkan agar pindaan hendaklah dibuat terhadap enakmen keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri dengan memasukkan peruntukan yang sama seperti dalam EKMS Perak bagi tujuan keseragaman dalam pembuktian dokumen persendirian elektronik dan keadilan pihak-pihak.

4.10.1. Kebolehterimaan Dokumen Elektronik Persendirian di bawah Akta 561

Oleh sebab Akta 561 tidak mengandungi peruntukan seperti EKMS Perak atau Akta Keterangan 1950 maka kaedah pembuktian dokumen elektronik persendirian hendaklah mengikut kehendak undang-undang yang ditetapkan. Sebagai contoh, penyata akaun bank seseorang merupakan dokumen elektronik persendirian menurut undang-undang. Sekiranya mana-mana orang ingin menggunakan penyata akaun sebagai bukti maka mereka perlu mengemukakan dokumen asal bersama pembuat dokumen tersebut ke mahkamah bagi membuktikan keaslian, ketulenan dan kesahihan dokumen berserta kandungan tersebut. Walaupun Huraian 3⁸²² telah mengiktiraf kesemua dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer namun ia masih tidak memadai untuk diterima kerana pembuat dokumen tidak dipanggil untuk mengesahkan keaslian penyata

⁸²² Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 49.

akaun tersebut. Inilah kaedah pembuktian terbaik yang telah ditetapkan dalam Seksyen 56 Akta 561 dalam membuktikan sesuatu dokumen persendirian primer dan kandungannya.

Penerimaan dokumen primer sebagai tulen tidak menyebabkan beban membuktikan kandungan dokumen tersebut tergugur. Oleh sebab itulah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah menolak dapatan Hakim Bicara dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* tersebut. Pendekatan Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes ini⁸²³ adalah betul apabila berpandangan Hakim Bicara telah tersalah apabila menerima keterangan tersebut tanpa disokong keterangan lain bersesuaian dengan prinsip umum bahawa pembuat dokumen hendaklah dipanggil ke mahkamah sebelum dokumen persendirian tersebut boleh diterima sebagai keterangan walaupun telah dibuktikan melalui keterangan primer. Hal ini adalah kerana Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (EKMS Selangor) juga tidak mempunyai peruntukan seumpama Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950 atau EKMS Perak.

4.10.2. Kebolehterimaan Dokumen Elektronik Persendirian di bawah EKMS Perak

EKMS Perak mempunyai kelebihan yang signifikan kerana enakmen ini mengandungi peruntukan Seksyen 90A, 90B dan 90C berbanding Akta 561 mahupun Enakmen-enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri lain. Oleh sebab Akta 561 sedikit berbeza dengan EKMS Perak, maka pengkaji berpendapat perlu juga dijelaskan perbezaan antara kedua-dua statut ini. Jika kita lihat pada Akta 561, walaupun Huraian 3⁸²⁴ telah mengiktiraf kesemua dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer namun

⁸²³ *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

⁸²⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 49.

pemakaian Huraian 3 ini bertujuan untuk menyokong peruntukan Seksyen 90A, 90B dan 90C.⁸²⁵

Penjelasan ini mesti dibaca dengan Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950 yang membincangkan dokumen yang dihasilkan oleh komputer. Peruntukan-peruntukan ini menyatakan bahawa dokumen yang dihasilkan oleh komputer merupakan dokumen primer. Oleh itu, semua salinan yang dihasilkan oleh komputer yang tidak asli daripada cakera komputer harus dianggap sebagai dokumen primer.⁸²⁶ Dalam hal ini, walaupun kesemua negeri memperuntukkan Huraian 3, Seksyen 49 berkaitan dengan pengiktirafan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer namun hampir semua akta atau enakmen keterangan negeri-negeri tidak mengguna pakai Seksyen 90A, 90B, 90C, 91-100 kecuali EKMS Perak yang menggunakan peruntukan Seksyen 62 bagi dokumen elektronik awam, Seksyen 73, Seksyen 74 dan Seksyen 75 mengenai dokumen elektronik persendirian.⁸²⁷

Prinsip umum dalam pengemukaan keterangan dokumen persendirian ialah pembuat dokumen tersebut hendaklah dipanggil, dan dokumen hendaklah dikemukakan oleh pembuatnya. Namun prinsip ini dikecualikan oleh seksyen ini⁸²⁸ apabila ia telah memperkenalkan satu pendekatan baharu iaitu pertama: dokumen yang dihasilkan oleh komputer boleh dikemukakan sebagai keterangan, dan kedua: pembuat dokumen tidak perlu dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Walaupun demikian,

⁸²⁵ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia. p. 161.

⁸²⁶ Augustine Paul. 2010. *Evidence Practice and Procedure*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd. 4th Edition. p. 645.

⁸²⁷ Hassan Ab. Rahman. 2017. "Pandangan Umum Terhadap Peruntukan-Peruntukan Statut Keterangan Mahkamah Syariah Malaysia: Suatu Perbandingan Dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]". 1 LNS (A) lxi. p. 16.

⁸²⁸ Dewan Undangan Negeri Perak. 2004. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (Enakmen No. 8 Tahun 2004)*. Seksyen 73(1).

penerimaan keterangan dokumen tersebut hendaklah disertai dengan pengemukaan sijil perakuan yang telah ditandatangani oleh seseorang yang, sama ada sebelum atau selepas pengeluaran dokumen itu oleh komputer itu adalah bertanggungjawab bagi pengurusan komputer itu bahawa dokumen telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunaannya yang biasa.⁸²⁹

Dokumen cetakan komputer yang tidak disertai atau diiringi dengan sijil perakuan tersebut akan menyebabkan dokumen tersebut tidak akan diterima masuk sebagai keterangan, dan sebaliknya akan ditandai sebagai dokumen pengenalan sahaja.⁸³⁰ Sekali lagi pengkaji bersetuju dan menyokong Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagai betul apabila beliau berpandangan bahawa Hakim Bicara telah tersalah apabila menerima keterangan tersebut jika dirujuk kepada keputusan oleh Hakim Bicara dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan*.⁸³¹

Isu biasa yang dibangkitkan pada dokumen elektronik adalah, sama ada Plaintiff atau Defendan telah memenuhi syarat Seksyen 90A (2) AK 1950 ataupun sebaliknya. Bahagian ini memerlukan pengeluaran sijil daripada orang yang bertanggungjawab untuk kerja-kerja dalam bidang pengkomputeran. Walau bagaimanapun, sijil tersebut tidak diperlukan sekiranya orang tersebut hadir semasa pendengaran kes. Prinsip ini diguna pakai dan ditegaskan dalam beberapa kes iaitu *Standard Chartered Bank lwn Mukah Singh*;⁸³²

⁸²⁹ *ibid.* Seksyen 73(2).

⁸³⁰ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia. p. 168.

⁸³¹ *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

⁸³² *Standard Chartered Bank lwn Mukah Singh* [1996] 3 MLJ 240 (HC).

Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn Pendakwa Raya,⁸³³ *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa Raya*,⁸³⁴ dan *Ahmad Najib b Aris lwn Pendakwa Raya*.⁸³⁵

Sekiranya tiada sebarang bantahan dibuat terhadap keterangan yang dikemukakan oleh para saksi dan bukti tersebut dihasilkan dalam urusan biasa, maka Plaintiff tidak perlu mematuhi syarat Seksyen 90A (2) tersebut. Sijil tidak perlu dikemukakan kecuali bukti tersebut dipertikaikan pada masa bukti itu dikeluarkan. Namun jika dokumen elektronik tersebut adalah catatan penegasan dibuat oleh seseorang, kebolehterimaan boleh ditolak bergantung pada persepsi manusia dan penyediaan maklumat tersebut ke komputer kerana ia termasuk keterangan dengar cakap kecuali penegasan tersebut termasuk dalam pengecualian keterangan dengar cakap.⁸³⁶

Berdasarkan perbahasan dalam perkara ini, walaupun apa pun kaedah kebolehterimaan dokumen elektronik persendirian yang diguna pakai, pengesahan berkaitan dengan kesahihan kandungan dan ketulenan dokumen elektronik tersebut hendaklah dibuktikan terlebih dahulu sebelum sesuatu dokumen tersebut diterima sebagai keterangan. Dalam isu pembuktian, elemen keaslian atau ketulenan dokumen adalah satu perkara, manakala kerelevanan dokumen tersebut dalam perkara yang didakwa itu merupakan satu perkara yang lain. Selain dari yang sah, dokumen tersebut juga hendaklah dokumen utama atau asal; relevan dari segi undang-undang; dan bukan dengar cakap.⁸³⁷ Namun untuk tujuan penyeragaman, pengkaji bersetuju dengan saranan

⁸³³ *Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn Pendakwa Raya* [1997] 3 MLJ 1 (CA).

⁸³⁴ *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa Raya* [2006] 4 MLJ 134.

⁸³⁵ *Ahmad Najib b Aris lwn Pendakwa Raya* [2007] 2 MLJ 505.

⁸³⁶ Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2014. "Case of Electronic Evidence in Malaysian Courts: The Civil and Syariah Perspective". *ICSSR E-Journal Social Sciences Research*. Johor: Penerbit My Jurnal. Vol. 1. No. 2. pp. 4-5.

⁸³⁷ Mursilalaili Mustapa Sa'di, et al. 2015. "Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective". *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. n.pl: n.pb. Vol. 9. No. 26. p. 30.

kebanyakan pengkaji lain agar peruntukan undang-undang berkaitan dengan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik turut diperincikan sebagaimana di negeri Perak ataupun Akta Keterangan 1950.

4.11. Penerimaan Keterangan Dengar Cakap Dokumen Persendirian

Istilah dengar cakap itu digunakan untuk berbagai-bagai maksud seperti bermaksud apa-apa sahaja yang seseorang itu didengari berkata, yang kadang-kadang ia bererti apa-apa sahaja seseorang itu maklumkan mengenai maklumat yang disampaikan oleh seseorang yang lain dan ada kalanya istilah ini digunakan sama rapat ertinya dengan istilah tak relevan.⁸³⁸ Dengar cakap juga adalah pernyataan lisan dan bertulis yang dibuat oleh orang yang bukan pihak dan yang tidak dipanggil sebagai saksi. Mereka tidak boleh diterima untuk membuktikan kebenaran perkara tersebut.⁸³⁹ Ada juga menyatakan dengar cakap ini sebagai pernyataan selain daripada yang dibuat oleh seseorang semasa memberikan bukti lisan dalam proses yang tidak dapat diterima sebagai bukti fakta yang ditegaskan.⁸⁴⁰

Keterangan saksi dengar cakap itu tidak boleh diterima untuk membuktikan kebenaran fakta yang dinyatakan. Ini adalah bentuk paling umum keterangan dengar cakap iaitu keterangan kepada satu kenyataan yang dibuat kepada saksi oleh seseorang yang bukan dirinya dipanggil sebagai saksi.⁸⁴¹ Keterangan tersebut harus bergantung pada tujuan membuktikan perkara yang dinyatakan itu untuk mengecualikan sesuatu keterangan itu sebagai keterangan dengar cakap.⁸⁴² Prinsip keterangan dengar cakap ini telah

⁸³⁸ Mohd Akram Mohd Shair. 2000. "Penerimaan Keterangan Dengar Cakap dalam Undang-Undang Keterangan". Dlm. *Al-Ahkan: Penghakiman dan Kepeguaman*. Ahmad Ibrahim et al. Kuala Lumpur. Vol 5. p. 115.

⁸³⁹ M.N. Howard. 2000. *Phipson on Evidence*. London: Sweet & Maxwell. 15th Edition. p. 630.

⁸⁴⁰ Rupert, Cross. 1990. *Cross on Evidence*. London: Butterworhs. 7th Edition. p. 38.

⁸⁴¹ Augustine Paul. 2003. *Evidence Practice and Procedure*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd. 3rd Edition. p. 550-551.

⁸⁴² Hodge M. Malek. 2005. *Phipson on Evidence*. London: Sweet and Maxwell. 16th Edition. p.773.

dinyatakan dalam kes *Subramaniam lwn PP*,⁸⁴³ Majlis Privy menyatakan bahawa keterangan sesuatu pernyataan kepada saksi oleh orang yang lain boleh dikira keterangan dengar cakap sekiranya fakta bahawa pernyataan itu dibuat untuk dibuktikan dan bukan bertujuan untuk membuktikan kandungan pernyataan itu benar. Dalam kes *Subramaniam* ini rukun yang dibuat mengenai keterangan dengar cakap ialah fakta bahawa pernyataan itu dibuat mempunyai kaitan secara langsung dengan persoalan, dan perkara mengenai kebenaran dan kepalsuan pernyataan itu tidak penting sama sekali.⁸⁴⁴

Keterangan dengar cakap ini tidaklah terhad kepada keterangan yang dibuat dalam bentuk lisan semata-mata tetapi juga boleh dalam bentuk bertulis atau dokumen.⁸⁴⁵ Sebelum dokumen persendirian tersebut diterima sebagai keterangan, pembuat dokumen tersebut hendaklah dipanggil terlebih dahulu bagi memastikan dokumen persendirian yang dikemukakan adalah asli dan kandungannya boleh dipercayai. Ini adalah suatu prinsip umum yang diguna pakai dalam mempertimbangkan suatu keterangan dokumen persendirian yang dikemukakan kepada mahkamah. Kegagalan mengemukakan pembuat dokumen ini akan menyebabkan kandungan dokumen itu dianggap sebagai keterangan dengar cakap.⁸⁴⁶

Keterangan dengar cakap ini boleh dilihat berdasarkan dua aspek iaitu berdasarkan penggunaan keterangan dengar cakap di mahkamah melalui pendekatan “definisi berdasarkan pernyataan” dan definisi yang dilihat berdasarkan kredibiliti orang yang

⁸⁴³ *Subramaniam lwn PP* [1956] 22 MLJ 220.

⁸⁴⁴ Mohd Akram Mohd Shair. 2000. “Penerimaan Keterangan Dengar Cakap dalam Undang-undang Keterangan”. Dlm. *Al-Ahkam: Penghakiman dan Kepeguaman*. Ahmad Ibrahim et al. Kuala Lumpur. Vol 5. p. 120.

⁸⁴⁵ Buzzard, J.H, et al. 2000. *Phipson on Evidence*. London: Sweet & Maxwell. 15th Editon. p. 643. Lihat juga Mohd Akram Shair Mohamad. 1990. “The Rule against Hearsay and the Evidence Act 1950”. 2 CLJ iii.

⁸⁴⁶ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia. p. 90.

membuat pernyataan di luar mahkamah yang dilaporkan kepada mahkamah, yang dikenali sebagai “definisi berdasarkan deklarası.”⁸⁴⁷ Persoalan sama ada dokumen tersebut termasuk sebagai keterangan dengar cakap atau sebaliknya, boleh ditentukan dengan melihat tujuan dokumen tersebut dikemukakan kepada mahkamah. Dokumen tersebut boleh diterima dengan syarat bahawa pernyataan yang dibuat tidak tertakluk ke atas kebenaran keterangan tersebut.⁸⁴⁸

Keterangan dengar cakap tidak memerlukan bantahan mana-mana pihak untuk mahkamah menolaknya. Hal ini bersesuaian dengan keputusan kes *Malaysia National Insurance Sdn Bhd lwn Malaysia Rubber Development Corporation*,⁸⁴⁹ Hakim Lee Hin Hoe CJ (Borneo) menyatakan dengan jelas bahawa keterangan dengar cakap yang seharusnya ditolak tidak boleh diterima hanya kerana tidak ada bantahan dibuat sebelumnya. Hal yang demikian bermaksud kelalaian daripada membuat bantahan terhadap keterangan yang tidak diterima atau relevan di bawah akta tidak menjadikannya boleh diterima. Sehubungan dengan itu, menjadi tugas mahkamah untuk mengecualikan semua bukti yang tidak relevan jika tidak ada keberatan yang dapat diterima oleh pihak.⁸⁵⁰

Dalam konteks pemakaian di mahkamah syariah, tiada sebarang peruntukan berkaitan dengan keterangan dengar cakap diperuntukkan dalam undang-undang kecuali Seksyen 6, 20 dan 21 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561).⁸⁵¹ Seksyen ini memperuntukkan beberapa pengecualian

⁸⁴⁷ I.H. Dennis. 2014. *The Law of Evidence*. London: Sweet & Maxwell. 2nd Edition. p. 543

⁸⁴⁸ Rosamund Reay. 2001. *Evidence*. 3rd Edition. n.pl: Bailey Press. p. 119.

⁸⁴⁹ *Malaysia National Insurance Sdn Bhd lwn Malaysia Rubber Development Corporation* [1986] 2 MLJ 124 FC.

⁸⁵⁰ Sarkar. 2016. *Sarkar Law of Evidence*. India: Jarkar & Son Pte Ltd. 13th Edition. p. 51.

⁸⁵¹ Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom & Mohd. Munzil Muhamad. 2019. “Kaedah Pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan”. *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: DBP. Vol. 31. No. 1. Jan. p. 21.

berkaitan dengan pemakaian keterangan dengar cakap bahkan terdapat penambahan peruntukan bagi memastikan peruntukan tersebut selari dengan prinsip hukum syarak berkaitan dengan kesaksian atas kesaksian orang lain iaitu:

1. Perkataan fakta berkaitan diganti dengan *qarīnat*, yang merupakan sebahagian daripada *bayyinat*,
2. Tambahan Subseksyen (2) yang menyebut bahawa keterangan tersebut hendaklah diberikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi wanita.
3. Tambahan Subseksyen (3) yang meletakkan syarat bahawa keterangan itu tidak boleh diterima dalam keadaan berikut:
 - a. Jika orang yang membuat pernyataan itu melarang ia diberikan sebagai keterangan,
 - b. Jika orang yang membuat pernyataan itu hilang, dan/atau
 - c. Wibawa untuk memberi keterangan jika orang yang membuat pernyataan enggan beri keterangan disebabkan kesilapan dan lain-lain.⁸⁵²

Walau bagaimanapun keterangan tersebut tidak diletakkan di bawah bab *syahādat* atau saksi kerana keterangan sedemikian dianggap sebagai fakta relevan dan boleh diterima sebagai *qarīnat* di bawah undang-undang keterangan Islam atas sifatnya sebagai keterangan keadaan. Seksyen 20 termasuklah memperuntukkan tentang hal yang mengandungi pernyataan mengenai fakta relevan oleh orang yang telah mati atau tidak dapat dijumpai ialah *qarīnat*.⁸⁵³ Keterangan dengar cakap dalam Akta 561 boleh dikategorikan dalam bentuk pernyataan, dokumen dan kelakuan. Keterangan perlakuan merupakan satu keterangan oleh mana-mana orang yang dipanggil sebagai saksi mengenai perlakuan yang dilakukan semasa kejadian berlaku.

⁸⁵² Ruzman Md. Noor. 2008. "Kesaksian dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis dari Perspektif Mazhab Syafi'i". *Jurnal Fiqh*. Kuala Lumpur: Penerbit UM. Vol. 5. p. 162.

⁸⁵³ Azizah Mohd Rapini & Ruzman Md. Noor. 2017. "Syahadah dalam Statut Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Asas dan Sumber Perundangan". *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Bangi: KUIS. Vol. 2. No. 1. Jun. p. 52.

Walau bagaimanapun, fokus pengkaji dalam kajian ini hanyalah kepada keterangan dengar cakap dokumen persendirian sahaja yang bersesuaian dengan kajian. Prinsip umum yang terpakai ialah pembuktian dokumen hendaklah melalui dokumen primer sahaja⁸⁵⁴ dan dokumen yang mengandungi fakta relevan sahaja boleh dibenarkan untuk dikemukakan di hadapan mahkamah semasa perbicaraan.⁸⁵⁵ Prinsip ini bertujuan untuk mengelakkan prinsip keterangan dengar cakap daripada diterima pakai dan menjadikan keterangan itu tidak boleh diterima.⁸⁵⁶ Jika satu-satu pihak ingin membuktikan kebenaran sesuatu pernyataan yang dibuat dalam sesuatu dokumen, maka pembuat dokumen itu hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Kegagalan untuk mengemukakan pembuat dokumen di mahkamah akan menyebabkan kandungan dokumen itu dianggap sebagai keterangan dengar cakap dan keterangan tersebut tidak boleh diterima.

Selain daripada itu terdapat juga beberapa keadaan yang membolehkan mahkamah menerima keterangan dengar cakap. Keterangan dengar cakap juga terpakai di mahkamah syariah bagi keterangan berbentuk pernyataan atau lisan yang bermaksud segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki dibuat di hadapan mahkamah oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara fakta,⁸⁵⁷ dan keterangan saksi yang tidak dapat bercakap dan diberikan dalam apa-apa cara, misalnya, dengan tulisan atau dengan tanda-tanda boleh disifatkan sebagai keterangan lisan.⁸⁵⁸ Tafsiran frasa “**Pernyataan**, adalah bertulis atau lisan, mengenai fakta relevan...” dalam peruntukan berkaitan keterangan

⁸⁵⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 5.

⁸⁵⁵ *ibid.* Seksyen 51.

⁸⁵⁶ Mohd Akram Mohd Shair. 2000. “Penerimaan Keterangan Dengar Cakap dalam Undang-undang Keterangan”. Dlm. *Al-Ahkam: Penghakiman dan Kepeguaman*. Ahmad Ibrahim et al. Kuala Lumpur. Vol 5. p. 124.

⁸⁵⁷ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

⁸⁵⁸ *ibid.* Seksyen 84.

dengar cakap⁸⁵⁹ telah ditafsirkan dalam kes *PP lwn Paneerselvam & Ors*.⁸⁶⁰ Dengan Edgar Joseph Jr mengatakan bahawa perkataan “pernyataan” dalam Seksyen 157 Akta bermaksud, “sesuatu yang dinyatakan” dan tidak ada unsur komunikasi yang diperlukan. Pernyataan itu boleh dibuat secara lisan atau tulisan. Kata lisan telah ditafsirkan lebih luas dan kata kerja di sini bermaksud dengan kata-kata. Walaupun begitu, perkataan itu tidak semestinya perlu diucapkan.

Pernyataan oleh si mati mengenai sebab kematiannya atau transaksi yang mengakibatkan kematiannya adalah *qarīnat* dan relevan apabila timbul persoalan berkaitan sebab kematian si mati, sama ada si mati menjangkakan kematian tersebut ataupun tidak.⁸⁶¹ Fakta yang diberikan kepada mahkamah berkaitan dengan catatan atau memorandum yang telah dibuat dalam buku yang disimpan dalam perjalanan biasa urusan atau pada melaksanakan tugas-tugas profesional adalah relevan atau *qarīnat*. Perkara ini termasuklah akuan terima yang ditulis atau ditandatangani olehnya mengenai penerimaan wang, barang, sekuriti atau apa-apa juga jenis harta dan suatu dokumen yang digunakan dalam perdagangan; yang ditulis atau ditandatangani olehnya; atau mengandungi tarikh bagi sesuatu surat atau dokumen lain yang biasanya diletakkan tarikh, ditulis atau ditandatangani olehnya.⁸⁶² Sebagai contoh, suatu catatan dalam buku harian seorang doktor bedah yang telah mati, yang biasanya disenggarakan dalam perjalanan urusan,

⁸⁵⁹ *ibid.* Seksyen 20.

⁸⁶⁰ *PP lwn Paneerselvam & Ors* [1991] 1 MLJ 106.

⁸⁶¹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 20(1)(a).

⁸⁶² *ibid.* Seksyen 20(1)(b).

menyatakan bahawa pada suatu hari tertentu dia telah merawat ibu A yang melahirkan seorang anak lelaki, adalah suatu fakta yang relevan.⁸⁶³

Fakta yang diberikan kepada mahkamah merupakan *qarīnat* apabila pernyataan itu menentang kepentingan kewangan atau kepentingan pemilikan orang yang membuatnya. Selain itu, fakta itu merupakan *qarīnat* apabila, pernyataan itu akan mendedahkan atau mungkin mendedahkan orang itu kepada suatu pendakwaan jenayah, atau kepada suatu guaman untuk ganti rugi jika fakta itu benar.⁸⁶⁴ Pernyataan mengenai pendapat tentang kewujudan hak awam atau adat atau sesuatu yang ada kepentingan awam atau am yang disedari oleh orang itu adalah relevan apabila ia dibuat sebelum timbul kontroversi berkaitan hak tersebut.⁸⁶⁵ Pendapat berkaitan dengan kewujudan pertalian darah, perkahwinan, pengangkatan anak antara yang diketahui oleh orang yang membuat pernyataan itu melalui cara yang istimewa adalah relevan dan *qarīnat* sekiranya pernyataan dibuat sebelum timbul persoalan berkaitan perhubungan antara mereka.⁸⁶⁶ Contohnya, apabila fakta persoalannya adalah sama ada A dan B telah berkahwin dengan sah di sisi undang-undang.

Pernyataan seorang *qādī* yang telah mati bahawa dia telah mengahwinkan mereka dalam hal keadaan yang boleh menjadikan upacara itu tidak sah ialah *qarīnat*. Dalam wasiat atau surat ikatan berhubung dengan hal ehwal keluarga mana-mana orang yang telah mati, sama ada di atas batu nisan, potret keluarga atau benda-benda lain dan

⁸⁶³ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia. p. 98.

⁸⁶⁴ Azizah Mohd Rapini & Ruzman Md. Noor. 2017. "Syahadah dalam Statut Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Asas dan Sumber Perundangan". *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Bangi: KUIS. Vol. 2, No. 1, Jun. p. 53. Lihat juga Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 20(1)(c).

⁸⁶⁵ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 20(1)(d).

⁸⁶⁶ *ibid.* Seksyen 20(1)(e).

pernyataan itu mestilah dilakukan sebelum kontroversi itu timbul.⁸⁶⁷ Seksyen ini agak sempit jika dibandingkan dengan Seksyen 20(1)(c) akta yang sama kerana mengikut sub-seksyen ini pertalian itu mestilah antara orang yang telah mati dan kenyataan itu dibuat oleh si mati itu bukan berdasarkan pengetahuan istimewa.⁸⁶⁸ Contohnya, jika soalnya adalah sama ada *A*, yang telah mati, ialah bapa *B* maka suatu pernyataan oleh *A* bahawa *B* ialah anaknya merupakan *qarīnat*.

Menurut Seksyen (20)(1)(g) Akta 561 ini, pernyataan yang terkandung dalam dokumen berhubung transaksi berkaitan hak atau urf ialah relevan dan *qarīnat*.⁸⁶⁹ Contoh, jika persoalannya adalah sama ada *A*, seorang yang tidak dapat dijumpai, telah menulis suatu surat pada suatu hari tertentu. Fakta bahawa satu pucuk surat yang ditulis olehnya bertarih pada hari itu ialah *qarīnat*. Pernyataan beberapa orang yang menyatakan perasaan atau sangkaan mereka berkaitan dengan sesuatu perkara adalah relevan dan *qarīnat* jika perkara tersebut dipertikaikan.⁸⁷⁰ Keterangan berkaitan dengan pernyataan tersebut hendaklah diberikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.⁸⁷¹

Penerimaan pernyataan tersebut sebagai keterangan hendaklah tertakluk kepada kebenaran orang yang membuat pernyataan, orang yang membuat pernyataan telah tidak kompeten memberikan keterangan dan orang yang membuat pernyataan itu enggan

⁸⁶⁷ *ibid.* Seksyen 20(1)(f).

⁸⁶⁸ Afridah Abbas. 1991. "Keterangan Dengar Cakap Mengikut Akta Keterangan 1950 dan Undang-undang Keterangan Islam: Satu Perbandingan". *The Law Majallah*. UIAM: The UIAM Press. Vol. 4. p. 99.

⁸⁶⁹ Azizah Mohd Rapini & Ruzman Md. Noor. 2017. "Syahadah dalam Statut Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Asas dan Sumber Perundangan". *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Bangi: KUIS. Vol. 2. No. 1. Jun. p. 53. Lihat juga Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 20(1)(g).

⁸⁷⁰ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 20(1)(h).

⁸⁷¹ *ibid.* Seksyen 20(2).

memberi keterangan dengan alasan tidak relevan atau dia tidak membuat pernyataan itu atau dia telah tersilap berkaitan pernyataan itu.⁸⁷²

Walaupun keterangan dengar cakap boleh diterima oleh mahkamah berdasarkan penjelasan sebelum ini, adalah penting bagi mahkamah mengambil ingatan bahawa keterangan sedemikian itu tidak diberi secara bersumpah dan tidak diuji kesahihannya menerusi proses pemeriksaan balas. Oleh yang demikian, pembuat kenyataan asal itu hendaklah seorang yang dipercayai iaitu seorang yang dikira kompeten atau layak di sisi hukum syarak.⁸⁷³

Isu keterangan dengar cakap dokumen persendirian ini ada disentuh oleh Hakim Bicara dalam kes *Muhamad Mat Diah lwn Pendakwa Syarie Kelantan*.⁸⁷⁴ Perayu telah dituduh, disabitkan dan dihukum atas empat (4) pertuduhan di bawah Seksyen 99 dan Seksyen 100(1)(a) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 1983 kerana mengakadnikahkan pasangan yang berkahwin tanpa diberi kuasa dan perkahwinan tanpa mendapat kebenaran. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Bicara dan telah mengemukakan rayuan. Perayu telah mengemukakan *alibi* dengan mengemukakan dua orang saksi dan dokumen perjalanan yang mengandungi tarikh keluar masuk Malaysia-Thailand sehari sebelum dan sehari selepas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Perayu juga telah mengemukakan surat penginapan hotel dan catatan imigresen pada hari yang sama dengan tarikh pertuduhan dan balik keesokan harinya. Panel Rayuan semasa memutuskan isu ini menyatakan:

Pendakwa telah berjaya membuktikan status ada kes *prima facie* untuk kesnya, manakala peguam bela melalui saksi-saksi yang dikemukakan selain

⁸⁷² *ibid.* Seksyen 20(3).

⁸⁷³ Salleh Buang, 2002. "Nota Muzakarah Pemahaman Undang-undang Keterangan dan Prosedur". *JKSM*. Hotel the City Bayview. Langkawi. 7-11 Julai. p 33.

⁸⁷⁴ *Muhamad Mat Diah lwn. Pendakwa Syarie Kelantan* [2005] 1 CLJ (SYA) 441.

tertuduh sendiri, tidak memberi keyakinan kepada Mahkamah bahawa tertuduh *memang benar-benar berada secara sepenuh masa di Thailand* pada masa itu, kerana kedua-dua saksi yang dikemukakan itu tidak dapat memastikan dengan mata kepalanya sendiri keadaan sebenarnya situasi tertuduh berada di Thailand pada tarikh itu....

... Saksi pertama (atau kedua mengikut susunan peguam bela) hanya menyertai tertuduh dalam kes ini sekadar menghantar tertuduh setakat Pangkalan Kubur/Takbai sahaja dan balik bersendirian. Manakala saksi kedua sebagai isteri sekadar menyatakan tertuduh biasa berulang alik ke Thailand dan tidak dapat memastikan tarikh bila berlaku demikian khususnya pada tarikh-tarikh sebagaimana suaminya dituduhkan.

Mahkamah boleh menerima pasport sebagai ianya dokumen kerajaan tetapi **mengenai kedudukan cap tarikh masuk keluarnya memerlukan orang itu sendiri dikemukakan bagi menentukan kesahihan keluar masuknya orang berkenaan**, tetapi ini tidak berlaku, begitulah juga dengan kedudukan pengeluaran resit hotel ianya memerlukan siri induk resit itu dikemukakan, ini juga tidak berlaku. Di samping itu, cap imigresen dan resit hotel adalah suatu perkara, manakala keadaan kelaziman tuan tubuh betul-betul berada di Thailand atau di hotel berkenaan sepanjang masa di mana jadi pertuduhan, tiada siapa pun daripada saksi dapat membuktikannya. Oleh itu, peguam bela telah tidak dapat menghuraikan kedudukan sebenar anak guamnya bagi menangani masalah ini.”

4.12. Rumusan

Pembuktian itu merupakan suatu proses bagi membuktikan kewujudan atau tidak wujud sesuatu fakta menggunakan keterangan yang diiktiraf syarak. Beban bukti merujuk kepada dua bentuk beban bukti iaitu beban perundangan dan beban mengemukakan keterangan. Beban keterangan dalam sesuatu kes mal pula hendaklah terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta tersebut termasuklah kewujudan dokumen persendirian dan hibah. Manakala tahap pembuktian kes hibah hendaklah mencapai tahap mencapai tahap *zan*, *zan al-ghālib* atau *yaqīn*. Kebolehterimaan dokumen persendirian tersebut hendaklah tertakluk kepada prinsip yang telah ditetapkan oleh undang-undang keterangan. Pembuktian dokumen persendirian hendaklah dibuktikan melalui

pengemukaan dokumen asal oleh pembuat dokumen. Sekiranya pembuat dokumen menafikan, maka pembuktian boleh dibuat melalui dua orang saksi dokumen; dua orang saksi tulisan tangan; dua orang saksi pakar; ataupun diputuskan melalui kedah sumpah. Oleh itu, perbincangan ini berjaya menyelesaikan objektif dan persoalan kajian ketiga yang telah diketengahkan. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis pemakaian prinsip kebolehterimaan dokumen persendirian dalam kes-kes hibah yang pernah direkodkan dalam perbicaraan kes-kes hibah di mahkamah syariah di Malaysia.